



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# Minda Pengarah

**Seleksi Ucapan Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
2012 – 2013**

# Minda Pengarah

Seleksi Ucapan Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
2012 – 2013



INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**Diterbitkan oleh:**

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kompleks Pendidikan Nilai  
71760 BANDAR ENSTEK  
Tel : 06-7979200  
<http://www.iab.edu.my>  
e-mel : iab@iab.edu.my

**Urusan Penerbitan Oleh:**

**JABATAN PENERBITAN DAN DOKUMENTASI**

Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan  
Institut Aminuddin Baki

© Institut Aminuddin Baki 2016

**Cetakan Pertama 2016**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

ISBN: 978-967-0504-47-6

**Pengurus Penerbitan**

ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHIM

**Rekabentuk dan Reka Letak Halaman**

Reka Cetak Sdn Bhd  
12, Jalan Jemuju Empat 16/13D  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 4254 / 03-5510 4758 Faks : 03-5510 4059  
e-mel : rekacetak83@gmail.com

# JAWATANKUASA PENERBITAN

## **Penaung**

Dr. Haji Zainal Alam bin Hassan

Pengarah

Institut Aminuddin Baki

## **Penasihat**

Hashim bin Mohd. Zin

Timbalan Pengarah (Khidmat Profesional)

Mistirine binti Radin

Timbalan Pengarah (Khidmat Latihan)

Nik Mohd Fakhruddin bin Nik Ab. Rahman

Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

## **Ketua Editor**

Maryati binti Athan

## **Editor**

Nor Ishsan binti Ab. Razak

Abdul Razak bin Abdul Rahim

## **Urusan Penyediaan Manuskip**

- Jabatan Bahasa dan Komunikasi Pendidikan  
Pusat Pengurusan Kepimpinan  
Komunikasi dan Pengurusan Pejabat
- Periasamy a/l Ramasamy



# KANDUNGAN



*Dari Meja Editor*

vii

<b>UCAPAN ALU-ALUAN</b>	<b>1</b>
Kolokium ICT dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan 2013 (Jun)	3
Majlis Perasmian Program ‘IHYA’ Ramadhan Tahun 2013	17
Majlis Komensmen NPQEL IAB Kali Ke-14 Tahun 2013	21
Majlis Makan Malam NPQEL Kohort 2013	27
Majlis penutupan Seminar Nasional Kali Ke-20 Tahun 2013	31
Majlis Perasmian Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-9 Tahun 2013	35
<b>PERASMIAN</b>	<b>39</b>
Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB 2012	41
Majlis Perasmian Persidangan Pembangunan Organisasi Institut Pendidikan ( <i>School Improvement Programme SI/Partner/SISC</i> ) - Disember 2012	47
Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Institut Aminuddin Baki (Jun 2013)	53
Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB (November 2013)	59

<b>PERASMIAN PENUTUPAN</b>	<b>67</b>
Persidangan Pembangunan Organisasi institut Pendidikan ( <i>School Improvement Programme</i> <i>SIPartner/SISC</i> ) - Disember 2012	69
Seminar Pengurusan Komuniti Membantu Program Linus 2013 (Mei)	75
Program Refleksi Kursus Induksi Staf Baharu 2013 (September)	81
Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-9 tahun 2013	85
<i>3<sup>rd</sup> Regional Conference on Educational Leadership and Management (November)</i>	91
Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB (Disember 2013)	97
<b>UCAPTAMA</b>	<b>105</b>
Seminar Nasional 2013	107
Kolokium Master Trainer	115
<b>LAIN-LAIN</b>	<b>119</b>
Ucapan Penangguhan Mesyuarat Bersama Pelanggan Institut Aminuddin Baki (Disember)	121
Majlis Persaraan YBHG Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud (Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia)	127

## DARI MEJA KETUA EDITOR

**A**lhamsdillah, syukur kehadrat Allah S.W.T kerana usaha menghasilkan Buku Minda Pengarah (Seleksi Ucapan Pengarah Institut Aminuddin Baki) akhirnya terlaksana. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Bahasa dan Komunikasi dan Jabatan Penerbitan Dan Dokumentasi serta semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku ini.

Buku ini menampilkan koleksi ucapan YH. Dato' Haji Khairil bin Haji Awang sepanjang perkhidmatan beliau di IAB sebagai pengarah iaitu dari tahun 2012 hingga 2013. Buku ini telah dikategorikan kepada beberapa bab iaitu Bab 1 (kata alu aluan), Bab 2 (perasmian), Bab 3 (perasmian penutupan), Bab 4 (ucaptama) dan Bab 5 (lain lain).

Pengumpulan sesi ucapan ini telah merakamkan peristiwa-peristiwa penting yang berlangsung di IAB. Selain itu ia juga memberi gambaran tentang program-program yang dianjurkan oleh IAB dari tahun 2012 hingga 2013 sebagai pusat latihan pengurusan dan kepimpinan. Koleksi ucapan ini diharapkan akan dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.

**Maryati binti Athan**  
Ketua Jabatan  
Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia





# UCAPAN ALU-ALUAN



# **UCAPAN ALU-ALUAN KOLOKIUM ICT DALAM PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

18-20 Jun 2013

Institut Aminuddin Baki,  
Genting Highlands

**B**ismillahirrahmannirrahim Alhamdullillah hirobbil alamin, wa salaatu wa salaamu 'alaa sayidina Muhammad wa 'alaa alihi wasahbihi ajmain. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam Kolokium Kepimpinan Pengurusan ICT Pendidikan Abad ke-21. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Institut Aminuddin Baki (IAB) yang telah berusaha menganjurkan majlis ilmu seumpama ini demi memenuhi keperluan pendidikan yang sentiasa berubah. Sesungguhnya perubahan ini perlu dihadapi dan diisi bagi mempertingkat kualiti pendidikan negara. Tugas

dan tanggungjawab mulia ini saya sandarkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang merupakan barisan pemimpin dan pengurus pendidikan.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

## **SENARIO ABAD KE-21**

Tanpa kita sedari telah tiga belas tahun kita berada dalam alaf baru. Kesibukan menjalani hidup sehari-hari, kesibukan melaksanakan tugas dan tanggungjawab, dan kesibukan mengejar kemajuan dan kejayaan menyebabkan kita tidak sedar masa begitu cepat berlalu meninggalkan kita. Pelbagai ciptaan, pembaruan, kemajuan dan cabaran telah dan sedang berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan kita. Ya, tuan-tuan dan puan-puan, abad ke-21 sememangnya mempamerkan kepesatan pembangunan teknologi multimedia, kecanggihan sistem komunikasi dan kehebatan penjanaan maklumat yang tidak pernah sama sekali terfikirkan oleh kita pada masa lalu. Namun kini, konsep-konsep futuristik sejagat khususnya dalam perindustrian, perdagangan, pendidikan dan teknologi maklumat telah mendominasi kehidupan. Nanoteknologi, bioteknologi, mekroelektronik dan robotic; globalisasi, pasaran terbuka, *on-line shopping*, *online library*; *smart school*, *smart building*, perpustakaan maya; *homepage*, internet, *facebook* dan *cyber expert system* bukan lagi satu perkara baru dan asing. Malah kesemua ini telah menjadi part and parcel kehidupan kita sehari-hari. Akibatnya idea sepuluh tahun lalu telah menjadi usang, strategi masa lepas tidak lagi bersesuaian, manakala teknologi lama tidak lagi efisien dan kompetitif. Ledakan teknologi dan maklumat (ICT) telah menyebabkan pergerakan menjadi tidak terbatas, masa bergerak begitu pantas dan dunia semakin luas dan bebas tanpa sempadan.

Sama ada kita suka atau tidak, sama ada kita bersedia atau tidak, kita telah pun berhadapan dengan globalisasi dan liberalisasi, iaitu dua ciri utama kesan ledakan ICT tadi. Globalisasi dan liberalisasi telah mengheret

kita kepada revolusi sosio ekonomi dan budaya daripada masyarakat agrarian kepada masyarakat industri, berorientasi servis dan berteknologi tinggi berasaskan maklumat. Kehidupan yang sedemikian menuntut kita sentiasa cemerlang, berdaya saing, berdaya tahan, kreatif dan inovatif tanpa mengorbankan agama, adat resam, budaya, nilai murni dan jati diri. Kita sewajarnya berupaya menerima dan mengadaptasi diri kepada setiap perubahan dan tuntutan yang mendarat. Sememangnya perkara ini bukanlah mudah. Ia mencabar kita untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, mencungkil dan mengembangkan bakat dan kebolehan serta menggembung segala keupayaan yang ada sebagai individu, ahli masyarakat dan seterusnya sebagai satu negara bangsa. Kita harus mempunyai kekuatan, sumber dan pengupaya untuk menghadapi semua keperluan dan cabaran berkenaan.

Seterusnya, cabaran globalisasi dan liberalisasi menuntut agar negara membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri *K-workers*, cerdik dan mahir dalam ICT, bersifat kreatif dan inovatif, berdaya saing di peringkat tempatan dan global, bahkan memiliki daya ketahanan yang sangat tinggi. Pendek kata, negara perlu menyiapkan warganya menjadi modal insan yang terbaik agar dapat berdiri gagah dengan bangsa dan negara lain di dunia, terutama dengan mereka yang jauh lebih maju. Malahan apa yang lebih penting lagi adalah untuk memastikan bangsa Malaysia terus *survive* dalam arus kehidupan moden, canggih dan amat mencabar ini. Selain persaingan di pentas dunia, kita juga jangan lupa bahawa kita mempunyai aspirasi dan tanggungjawab dalam negara yang perlu diisi. Hasrat untuk menjadi negara maju dengan acuan sendiri dan negara berpendapatan tinggi hanya tinggal tujuh (7) tahun sahaja lagi. Untuk itu kita harus terus bekerja kuat dan melengkapkan diri bagi memastikan Pelan Transformasi yang dibangunkan kerajaan dapat direalisasikan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

## PERKEMBANGAN ICT DALAM PENDIDIKAN NEGARA

Pendidikan adalah asas kepada pencapaian ilmu pengetahuan, kemahiran, ketrampilan dan nilai-nilai murni yang boleh membawa manusia sejagat ke satu tahap peradaban yang lebih tinggi. Matlamat dan fungsi pendidikan adalah untuk membina dan membangunkan diri individu, masyarakat dan sesbuah negara bangsa melalui pencapaian ilmu pengetahuan, kemahiran, ketrampilan dan nilai-nilai murni tadi. Dalam konteks ini Malaysia tidak terkecuali. Sejak merdeka, pendidikan telah menjadi wahana dan pemangkin terpenting kepada kesejahteraan kehidupan rakyat. Melalui pendidikanlah, semangat bersatu padu dapat disemai dan dipupuk pada warganegara kita yang berbilang kaum. Melalui pendidikanlah, pembangunan dan kemajuan negara dapat ditempa. Melalui pendidikan juga Malaysia terus unggul di persada antarabangsa. Sesungguhnya pendidikan akan terus kekal relevan dan menjadi lebih penting dalam zaman globalisasi ini.

Pada masa ini, pendidikan berhadapan dengan cabaran yang hebat. Ia adalah kesan daripada perubahan dunia yang secara langsung telah memberi impak kepada dunia pendidikan sejagat, termasuk Malaysia. Gundry (2008) dan Meher (2008) mengatakan mutakhir ini pendidikan lebih signifikan berdepan dengan persaingan globalisasi, inovasi dan teknologi yang menuntut kepada transformasi. Sebagai contoh, satu ciri utama dalam era globalisasi adalah kepesatan kemajuan ICT. ICT boleh dikaitkan dengan pelbagai teknologi bagi mengakses, mengumpul, menyimpan, memanupulasi, menghantar dan mempersemprehankan maklumat atau berkomunikasi mengenai maklumat melalui penggunaan teknologi. Teknologi yang dimaksudkan termasuklah peralatan (seperti komputer dan peranti pintar iaitu *smart phone*, *i-pad*, *tablet* dan *phablet*), aplikasi perisian dan rangkaian (seperti internet, infrastruktur jaringan setempat atau *local networking infrastructure*) dan persidangan video. Hari demi hari masyarakat telah menjadi semakin bergantung kepada teknologi, malah teknologi telah menjadi sebahagian daripada lanskap tetap kehidupan termasuk di sekolah dan bilik darjah. Oleh yang demikian

adalah menjadi cabaran kepada Malaysia untuk menyediakan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran ICT.

Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, globalisasi menuntut agar negara membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri *K-workers*, mahir dalam ICT dan mempunyai daya saing dan daya tahan yang tinggi. Bagi menyediakan sumber tenaga yang sedemikian, keperluan fizikal dan bukan fizikal diperlukan untuk membolehkan penggunaan ICT sebagai alat pengupaya (*enabling tool*) pada semua peringkat organisasi pendidikan. Hal ini disebabkan sekolah adalah ‘kilang’ kepada penyediaan guna tenaga negara masa depan.

Bagi merealisasikan hasrat ini, aspek pembangunan insan, pengetahuan sains dan teknologi, kemahiran berfikir dan celik IT sentiasa diberi penekanan dan menjadi agenda utama pendidikan negara. Sejak dua dekad yang lalu pelbagai program dan projek telah dilancarkan yang mencukupi sasaran sama ada murid atau guru. Penubuhan Sekolah Bestari, Projek SchoolNet, Projek Makmal Komputer, TV Pendidikan, Pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, mata pelajaran ICT untuk sekolah menengah dan ICTL di sekolah rendah, Projek Pengkomputeran Pengurusan Rangkaian KPMNet, Aplikasi Sistem Pentadbiran, Aplikasi Pengurusan Pendidikan, Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan, Sistem Pemantauan Perancangan Sekolah, Aplikasi Pendaftaran Peperiksaan Atas Talian, Sistem Maklumat Murid serta mengadakan latihan ICT untuk guru adalah sebilangan contoh program/projek ICT KPM yang boleh disebutkan di sini.

Selain itu, ICT juga dikenalpasti sebagai alat untuk meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP), membina budaya ilmu serta membentuk pelajar berfikiran kritis, kreatif, cekap menjana dan merumuskan idea serta berkemampuan menyelesaikan masalah. Dalam kata lain, pelajar mesti menguasai kemahiran belajar, kemahiran mengumpul dan kemahiran memproses maklumat sebagai asas kepada pemerolehan pengetahuan dan kemahiran. Guru tidak lagi disifatkan

sebagai pembekal ilmu pengetahuan, sebaliknya sebagai pembimbing yang membantu pelajar membina pengetahuan dengan sendiri. Hal ini bermaksud terdapat perubahan dalam budaya PdP iaitu daripada yang berasaskan pemerolehan fakta, berasaskan memori, berpusatkan guru, berdasarkan konteks setempat dan pemakaian buku teks kepada budaya PdP yang kaya ilmu, berfikiran kritis dan kreatif, berpusatkan pelajar, akses kendiri, terarah kendiri, konteks global serta penggunaan kemudahan teknologi multimedia dalam PdP. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menggalakkan, malah amat menekankan semua sekolah menggunakan ICT dalam PdP.

Daripada segi kewangan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia komited menyediakan perbelanjaan yang besar semata-mata untuk memastikan program dan projek yang dirancang itu berjalan dengan lancar, cekap dan berkesan. Sebagai contoh, untuk merapatkan jurang digital terhadap sekolah – sekolah di Malaysia, sebanyak RM3.293 bilion daripada RM23.198 bilion peruntukan pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 telah dikhaskan kepada peningkatan teknologi. Sesungguhnya semua projek dan program ini telah menjadi pemacu dalam meningkatkan keberkesanan PdP dan pengurusan sekolah.

Semua tindakan dan pelaburan di atas adalah kerana Kementerian Pendidikan Malaysia sedar teknologi boleh menjadi pemangkin kepada perubahan amalan pendidikan dan pedagogi ke arah yang lebih konstruktif. Banyak kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dapat menghasilkan daya transformasi yang berkuasa dalam pembelajaran dan pengajaran (Roschelle, Hoadly, Gordin & Cara, 2000; Sandholz, Ringstaff & Dwyer, 1997; Gregorei et. al, 1996). Penggunaan teknologi dalam bilik darjah didapati boleh melahirkan gaya instruksi berfokuskan pelajar yang lebih konstruktif dan mengenepikan kaedah instruksi tradisional, dapat merangsang pembangunan kemahiran intelek, menyumbang kepada kaedah PdP, di samping dapat lebih menarik minat dan tumpuan pelajar berbanding dengan penggunaan kaedah tradisional.

Sesungguhnya proses peningkatan persekitaran pembelajaran dan pengajaran dalam semua bidang pendidikan melalui ICT merupakan salah satu agenda terpenting dalam era globalisasi. Penggunaan ICT menjadi sangat luas yang mana semakin banyak perisian pendidikan terdapat di pasaran. Guru dan pelajar semakin mempunyai pengetahuan, kemahiran dan keyakinan dalam menggunakan teknologi. Keadaan ini telah membawa perkembangan ICT kepada dua bidang. Bidang pertama melibatkan “pembelajaran menggunakan teknologi” (*learning-to-use technology*) iaitu bagaimana menggunakan ICT dalam pelbagai peringkat daripada aspek pengurusan hal peribadi sehingga ke aspek profesional. Bidang yang kedua pula memfokus kepada penggunaan teknologi dalam proses PdP (*using-to-learn*) serta bagaimana menggunakan ICT secara efektif bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran asas dalam sesuatu mata pelajaran (Mohd. Izham dan Norzah, 2007).

Dalam memaksimakan potensi ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran, guru-guru dan pihak pentadbir sekolah sendiri menjadi elemen yang sangat kritikal (Mohammed Sani & Norazah, 2006). Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pihak pentadbir untuk memberi pendedahan kepada guru dan pelajar bagaimana untuk membudayakan ICT dan berkemahiran menggunakan ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Proses pengintegrasian ini adalah penting bagi memastikan sebarang perubahan persekitaran ICT yang telah ditetapkan dapat berkembang dengan teratur dan tersusun. Oleh itu pentadbir sendiri perlu tahu dan menggunakan teknologi dalam instruksi serta menjadi pemimpin kepada perkembangan teknologi bagi menyediakan guru dan pelajar ke arah masyarakat berteknologi. Ia selaras dengan perkembangan era digital, untuk menyediakan pelajar yang kompeten dalam penggunaan teknologi, dan untuk menyediakan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan efisien.

Kepimpinan sekolah yang efektif dan berpengetahuan sangat penting untuk menentukan sama ada pengetahuan teknologi dapat memperbaiki PdP. Sebagai contoh dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dulu (PIPP

2006-2010) dalam Teras Kedua menekankan hasrat untuk melahirkan pelajar yang kompeten dalam bidang sains dan teknologi, inovatif dan keratif serta kebolehpasaran. Melalui Teras Ketiga pula usaha ditumpukann kepada melengkapi sekolah-sekolah kebangsaan dengan kemudahan ICT dan Teras Keempat merapatkan jurang digital antara pelajar terutamanya antara pelajar bandar dengan luar bandar. Bagi menjayakan semua ini, peranan pantadbir sekolah amat penting kepada pemantapan keilmuan dan menterjemahkan teknologi ke dalam proses PdP. Malah sebelum PIPP dilancarkan, kebanjiran teknologi dalam sistem pendidikan telah pun bermula terutamanya integrasi ICT dalam pentadbiran, pengurusan dan PdP. Yang menjadi isu, adakah kebanjiran peralatan tersebut telah disambut dengan baik atau sebaliknya daripada pentadbir sekolah?. Kajian Chen (2004) menunjukkan sebahagian besar guru mengelak daripada menggunakan komputer dalam pendidikan. Perkara seumpama ini amatlah menyediakan dan tidak sepatutnya berlaku pada guru besar dan pengetua. Saya harap tuan-tuan dan puan tidak termasuk dalam golongan ini!

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN PENDIDIKAN**

Selain PdP, satu lagi aspek pendidikan yang tidak dapat lari daripada cakupan ICT adalah pengurusan. Sistem pengurusan sedia ada akan berubah secara beransur-ansur kepada sistem pengurusan secara elektronik yang dapat mengawal segala aspek pengurusan sekolah. Sistem pengurusan yang lebih berasaskan cara kerja manual dan terpisah akan berubah kepada sistem pengurusan sekolah bestari yang mana pengurusan adalah berasaskan teknologi maklumat secara bersepadan. Ia bertujuan bagi melicinkan proses kerja dan kolaborasi antara pelbagai pihak dalam dan luar sekolah. Kemudahan ICT juga akan membantu pentadbir membuat keputusan dengan cekap, pantas dan berkesan dengan adanya kemudahan akses kepada maklumat dan perhubungan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengannya.

Ini bermakna perubahan yang ingin dicapai dalam era ICT telah memberi satu perspektif baru kepada sistem pendidikan di Malaysia dan mengundang satu cabaran yang amat hebat kepada pentadbir sekolah. Ia menjadikan peranan pentadbir sekolah semakin penting dan semakin mencabar kerana wujudnya prinsip pengupayaan, yang mana pentadbir perlu bertindak secara fleksibel, menggerakkan aktiviti serta melakukan perubahan dan inovasi di sekolah. Dengan kepelbagaian dan kerencaman tugas dalam pengurusan, sudah tentu satu *enable* yang kuat diperlukan untuk melaksanakan tugas ini, iaitu ICT. Kemudahan, kekuatan dan kecanggihan ICT mampu memenuhi segala keperluan tersebut.

Bercakap tentang pengurusan, Wikipedia mendefinisikan pengurusan organisasi termasuk pendidikan sebagai tindakan membawa atau mengumpul orang di dalam organisasi berkaitan untuk mencapai matlamat (*goals*) dan objektif yang dihasratkan melalui penggunaan sumber secara cekap (*efisien*) dan berkesan (*efective*). Aktiviti pengurusan meliputi hal-hal yang berkaitan dengan perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan yang seringkali juga dikenali sebagai POLC (*planning, organizing, leading and controlling*). Perkara yang diurus dalam organisasi merangkumi perkara-perkara seperti sumber manusia, sumber kewangan dan sumber semulajadi, bangunan, aset dan teknologi termasuk maklumat dan komunikasi. Pengurusan dasar atau polisi termasuk hubungan luar, kualiti, keselamatan dan inovasi juga menjadi aktiviti penting dalam pengurusan organisasi (Jamil, 2011). Bush (2011) dalam hal ini mengatakan bahawa pengurusan pendidikan adalah satu bidang pengurusan yang berkaitan dengan operasi di dalam dan di luar organisasi pendidikan. Manakala Bolam (1999) dalam Bush (2011, h.1) dan Bush dan Middlewood (2005, h.3) mendefinisikan pengurusan pendidikan sebagai “*an executive function for carrying out agreed policy*”. Seterusnya Bush (2011) secara konsisten menyatakan bahawa pengurusan pendidikan hendaklah “dipusatkan kepada urusan yang berkaitan dengan tujuan dan matlamat pendidikan itu sendiri”.

Keadaan di atas menunjukkan pentadbir sekolah mempunyai peranan untuk memastikan segala perancangan terlaksana dan proses implementasi komponen-komponen perubahan di sekolah berjalan lancar. Pihak pentadbir perlu mengambil kira proses perubahan kerana bidang pendidikan adalah dinamik. Dalam era globalisasi yang mana masyarakat di seluruh dunia bersifat futuristik dalam semua bidang, maka masyarakat pendidik sendiri sewajarnya berkemahiran dalam komunikasi, mengakses maklumat dan belajar menggunakan pelbagai teknologi yang dapat diadaptasi dalam profesion pendidikan. Semua pihak mesti memaksimakan pengetahuan dan kemahiran menggunakan dan mengintegrasikan ICT secara efisien dan efektif supaya terdedah kepada gedung maklumat yang ada. Dalam konteks ini pemimpin juga tidak terkecuali.

Ingin tuntutan globalisasi dan cabaran masa kini semakin memerlukan kepimpinan yang berkesan daripada pengetua dan guru besar. Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah sekolah amat bergantung kepada pengetua dan guru besar yang menerajuinya (Yukl, 2011; Bush & Bell, 2008; Gorton dan Snowden, 2007; Huber 2004). Malah, pengetua dan guru besarlah penentu utama (*strongest determinant*) kepada keberkesaan sesebuah sekolah (Sergiovanni, 2001) dan di tangan pengetua dan guru besarlah terletaknya jatuh bangun sesebuah sekolah (Shahril Marzuki, 2001). Oleh yang demikian pengetua dan guru besar adalah individu yang mewarnai dan mencorakkan masa depan sesebuah sekolah. Kejayaan dan keberkesaan kepimpinan sekolah juga terletak kepada akauntabiliti dan komitmen pengetua dan guru besar dalam menentukan hala tuju yang jelas (Rebecca, Judith & Anthony, 2009). Pengetua dan guru besar juga perlu berfikiran jauh, kreatif dan inovatif serta berani mengambil risiko dalam membangunkan sekolah (Yilmaz, 2010). Oleh yang demikian pengetua dan guru besar perlu mempunyai kemahiran dalam menetapkan visi dan misi yang jelas serta mempunyai kreativiti dalam memajukan sekolah ke arah kecemerlangan (Gardiner dan Enomoto, 2006).

Dengan itu tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, sukalah saya tegaskan sekali lagi bahawa kepimpinan teknologi daripada tuan

puan semua selaku nakhoda sekolah amat diperlukan. Ia bagi memastikan segala kemudahan teknologi di sekolah tuan puan dapat digunakan semaksima mungkin dalam semua aspek. Sehubungan dengan itu:

1. adalah menjadi tanggung jawab tuan puan untuk mengilhamkan satu visi yang dapat dikongsi bersama oleh warga sekolah tuan puan untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi secara komprehensif dalam usaha menggalakkan satu suasana dan budaya yang mempunyai kesedaran dan wawasan terhadap teknologi;
2. tuan puan juga mesti memastikan reka bentuk kurikulum, strategi PdP dan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dapat disesuaikan dengan teknologi secara bersepadu. Ia bagi memaksimumkan proses PdP, mengaplikasi teknologi untuk memperkembang tahap profesional serta meningkatkan produktiviti semua pihak yang terdapat di sekolah tuan puan;
3. memastikan integrasi teknologi dapat menyokong proses PdP dan pentadbiran secara produktif, seterusnya menggunakan ICT untuk merancang dan melaksanakan sistem pentaksiran dan penilaian secara komprehensif dan berkesan;
4. menunjukkan sokongan terhadap penggunaan teknologi serta menjadi model kepada anak buah dalam penggunaan dan penguasaan ICT kerana kepimpinan adalah melalui teladan. Oleh itu tuan puan sewajarnya memantapkan pengetahuan dan penguasaan teknologi pada diri sendiri dan guru-guru tuan puan. Antara yang perlu dilakukan adalah peka dengan perkembangan terkini dalam ICT dan banyak menyertai majlis ilmu seperti kursus, bengkel dan seminar dalam dan luar negara;
5. berusaha menyediakan pelbagai bahan ICT untuk memastikan penggunaan teknologi berdaya saing, di samping menyediakan sokongan teknikal bagi memastikan penggunaan teknologi dapat beroperasi dengan berkesan; dan

6. akhir sekali, tuan puan juga mestilah faham dan peka terhadap kehendak masyarakat, undang-undang, peraturan, etika dan isu-isu berkaitan ICT serta bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan yang berkaitan dengannya. Ia bagi memastikan salah laku dan jenayah ICT tidak berlaku pada diri dan organisasi tuan puan.

Sidang hadirin sekalian,

## PENUTUP

Pendidikan semakin berubah mengikut arus kemajuan teknologi dan globalisasi. Perkembangan pendidikan pada masa kini juga banyak memberi tekanan kepada penggunaan ICT dalam PdP dan pengurusan. Perubahan ini telah mencetuskan pelbagai cabaran dan kompleksiti dalam kepimpinan. Perkembangan terkini dasar negara memerlukan kita melihat semula sejauhmana sektor pendidikan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain, terutama dengan negara yang lebih maju dan saling bersaing dengan kita. Dua perkembangan utama yang membawa kepada pentingnya pemikiran semula pembangunan pemimpin sekolah di Malaysia boleh dilihat dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) yang menyatakan dengan jelas harapan negara terhadap kelembagaan sekolah: "Membuat pelaburan bagi membangun kepemimpinan unggul di setiap sekolah. Membuat pelaburan yang besar bagi meningkatkan prestasi kepemimpinan sekolah sebagai pemangkin utama perubahan menerusi kriteria pemilihan yang ketat, latihan dan pengurusan prestasi yang mantap berdasarkan prestasi pelajar" (RMK, 2010). Seterusnya tiga komponen Bidang Keberhasilan Utama Negara (Pendidikan) yang terkandung dalam RMK10 juga telah menjelaskan peranan penting pengurusan dan kepemimpinan sekolah. Peranan tersebut merupakan suatu pengiktirafan terhadap pemimpin sekolah dalam menjayakan RMK-10. Persoalannya, sejauhmanakah kepemimpinan sekolah dapat memenuhi harapan dan tuntutan tersebut?

Oleh itu kepimpinan sekolah yang efektif dan berpengetahuan sangat penting untuk menentukan sama ada pengetahuan teknologi dapat memperbaiki PdP dan pengurusan. Sikap dan perasaan yang tidak selesa menjadi pemimpin ICT, ketidakpastian bahawa ICT dapat memperbaiki dan mempertingkatkan proses PdP dan pengurusan, atau anggapan tahap pengetahuan terhadap ICT tidak memadai untuk menghasilkan sesuatu perubahan dan penambahbaikan sekolah seharusnya tidak ada pada diri tuan puan. Sebaliknya tuan puan mesti penuh yakin dan percaya bahawa penggunaan ICT berpotensi membawa perubahan, pembaruan, peningkatan, kekuatan dan kecemerlangan kepada tuan puan dan semua pihak di sekolah ke arah memartabatkan pendidikan sama ada di peringkat sekolah tuan puan sendiri, di peringkat negara mahu pun ke peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu pengetahuan dan kemahiran dalam ICT perlulah dipertingkatkan. Tuan puan perlu sentiasa peka bahawa dunia pendidikan semakin kompleks, mencabar dan rencam; gelombang perubahan datang tanpa dijemput dan di luar kawalan; manakala ramalan dan jangkaan akan terus mendesak pemimpin untuk lebih bersedia bagi menghadapi pelbagai kemungkinan dan ketidakpastian. Hanya pemimpin yang sentiasa bersedia, berjiwa kental dan proaktif terhadap perubahan mampu menghadapi dan mengisi situasi berkenaan. Semua ini memerlukan pemimpin menilai semula pemikiran, pengetahuan dan kepakaran sedia ada agar selaras dengan hala tuju RMKe-10 dan tiga komponen Bidang Keberhasilan Utama Negara tadi.

Sekian wabillahitaufik wal hidayah dan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya dengan sukacitanya merasmikan Kolokium ICT dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Tahun 2013.



# **UCAPAN ALU-ALUAN**

## **MAJLIS PERASMIAN PROGRAM IHYA'**

### **RAMADHAN, TAHUN 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

9 Julai 2013

Institut Aminuddin Baki,  
Genting Highlands

## **PENDAHULUAN**

**S**egala pujian bagi Allah SWT yang dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul dalam Majlis Perasmian Program Ihya' Ramadhan Peringkat IAB Tahun 2013M bersamaan dengan tahun 1434H. Insya Allah kita akan menyambut kedatangan Awal Ramadhan ini pada 10 Julai 2013 dan berharap program-program peningkatan kerohanian akan dapat dilaksanakan di sepanjang bulan Ramadhan sehingga ke penghujungnya.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, IAB tidak ketinggalan untuk mengadakan program tahunan ini khususnya bagi umat Islam yang bakal menyambut kedatangan bulan yang penuh dengan keberkatan

iaitu bulan Ramadhan al-Mubarak. Secara tradisinya, kursus-kursus yang melibatkan pelanggan kita hentikan sementara waktu bagi memberi laluan kepada seluruh warga IAB yang beragama Islam dapat memberi fokus kepada amalan-amalan kerohanian dan peningkatan ibadat-ibadat khusus pada malam harinya. Saya juga menyeru kepada diri saya dan seluruh warga IAB yang beragama Islam supaya dapat bersama-sama memenuhi tuntutan ibadat di sepanjang bulan Ramadhan ini sebaik mungkin.

Adalah diharapkan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh AJK program ini, dapat memenuhi sebahagian daripada kerja-kerja amal bakti tuan-tuan dan puan-puan yang inginkan peningkatan kerohanian dapat dilaksanakan di sepanjang bulan Ramadhan ini. Semoga segala usaha yang dirancang dan penglibatan semua pihak ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya juga.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## **IHYA' RAMADHAN MENINGKATKAN PROFESIONALISME DAN INSAN MODAL**

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sepanjang bulan puasa kita akan berlapar dan dahaga, namun kita tidak boleh menjadikan itu sebagai alasan untuk tidak menjalankan aktiviti dan program yang berbentuk pembangunan modal insan. Dengan adanya penganjuran program seperti ini, adalah diharapkan ianya dapat meningkatkan profesionalisme tuan-tuan dan puan-puan bagi merealisasikan modal insan secara total melalui kecemerlangan diri dalam konteks ibadat.

Sebagai rakyat Malaysia, kita patut bersyukur kerana diberi peluang untuk menunaikan ibadat puasa saban tahun dengan suasana yang aman dan sejahtera tanpa ada sebarang kekacauan seperti di sesetengah

negara Islam yang lain. Oleh itu, bersama samalah kita mengambil kesempatan ini berusaha menggerakkan pembangunan modal insan yang berteraskan pembangunan kerohanian dan peribadatan sama ada yang bersifat individual maupun secara berjamaah dalam kalangan organisasi dan komuniti.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 18 yang bermaksud; “Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.

Petikan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa “menghidupkan” atau “memakmurkan” sesebuah institusi ibadat sama ada di masjid atau surau melalui sebarang aktiviti atau program yang mampu mengajak orang lain untuk sama-sama memakmurkannya adalah satu tanggungjawab beragama. Seruan ini juga akan berjaya sekiranya mereka yang hadir adalah dalam kalangan mereka yang cintakan agamanya serta inginkan ganjaran pahala daripada Allah SWT.

Hadirin muslimin dan muslimat yang saya hormati sekalian,

## **PENUTUP**

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi menyeru para hadirin yang akan menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak pada 10 Julai 2013 ini agar dapat memanfaatkan sepanjang bulan ini dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti atau program yang telah dianjurkan oleh pihak AJK Ihya' Ramadhan atas dasar kecintaan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Beramal sambil beribadatlah seberapa banyak yang boleh agar kesempatan yang ada

dapat menjadikan kita tergolong dalam kalangan mereka yang soleh dan solehah bukannya orang yang berada dalam kerugian.

Akhir kata, dengan lafaz yang mulia “Bismillahirrahmanirrahim”, saya dengan ini merasmikan Program Ihya’ Ramadhan peringkat IAB tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰى وَبَرَكَاتُهُ

## **UCAPAN ALU-ALUAN MAJLIS KOMENSMEN NPQEL IAB KALI KE-14 TAHUN 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

26 April 2013

Auditorium Dato' Razali Ismail,

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

### **PENGENALAN**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين،

والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى الله وأصحابه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

**M**arilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya, pada hari ini 26 April 2013 bersamaan 15 Jamadil Akhir 1434, Institut Aminuddin Baki (IAB) berjaya mengadakan Majlis Komensmen NPQEL, kali ke-14. Majlis ini

amat besar maknanya kepada seluruh warga Institut Aminuddin Bakri (IAB) amnya dan para graduan yang akan menerima sijil pada hari ini. Oleh itu, marilah kita mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar dan teratur seperti yang direncanakan.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya bagi pihak IAB mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri hadir bagi memeriahkan majlis ini. Kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri akan menjadi penyuntik semangat kepada kami untuk terus berbakti dalam memartabatkan IAB sebagai pusat latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan terulung di negara ini.

## **TAHNIAH KEPADA GRADUAN**

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada 246 orang graduan yang telah menamatkan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai NPQEL (*National Professional for Educational Leaders*) dengan jayanya. Sukacita dimaklumkan bahawa para graduan NPQEL, Majlis Komensmen kali ke-14 ini merupakan kumpulan pertama yang mendapat pengiktirafan sebagai penerima Diploma Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan dan kumpulan kedua yang telah berjaya melepassi Program NPQEL Mod Baharu. Sambutan Majlis Komensmen pada hari ini telah membuktikan kejayaan IAB dalam memberi latihan kepimpinan pendidikan kepada bakal pemimpin pendidikan masa hadapan.

## **NPQEL MOD BARU**

NPQEL merupakan satu-satunya program berstruktur secara komprehensif bagi menyediakan barisan pelapis pendidikan di negara

ini. Bagi menyahut cabaran semasa, sukatan NPQEL telah dikaji semula agar graduan mempunyai daya kepimpinan dan pengurusan bukan sahaja sebagai pemimpin instruksional, bahkan pemimpin transformasional. Mod baharu ini mengadunkan pembelajaran secara bersemuka, e-Pembelajaran dan konsultansi dengan mengambil kira kompetensi yang diperlukan oleh pemimpin pendidikan dalam menerajui sekolah. Melalui mod ini, peserta dikehendaki mengikuti pengajian secara bersemuka di IAB dan kemudiannya kembali semula menjalankan tugas hakikinya di sekolah atau organisasi masing-masing. Oleh itu, mod ini memberi kelegaan kepada para peserta kerana tidak perlu melepaskan jawatan yang mereka sandang. Tambahan pula, Diploma NPQEL, menjadi prasyarat kepada pemilihan calon untuk mengisi jawatan Pengetua atau Guru Besar.

Yang Berbahagia Tan Sri serta hadirin yang dihormati sekalian,

## HARAPAN IAB

Menjadi harapan kami semoga tuan-tuan dan puan-puan yang telah tamat program NPQEL dapat memperlihatkan kewibawaan sebagai pegawai lepasan Diploma NPQEL walaupun tidak dilantik sebagai pengetua atau guru besar pada masa terdekat. Apatah lagi, tuan-tuan dan puan-puan adalah antara yang terpilih untuk menyertai program ini setelah melalui dua peringkat pemilihan iaitu Ujian NEO-FFI-3 dan temu bual. Oleh itu, kejayaan tuan-tuan dan puan-puan dalam dunia sebenar sangat bergantung pada kemampuan menggabung jalin antara teori dan amalan kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang sebenar. Seterusnya, diharap tuan-tuan dan puan-puan berupaya membina “*craft-knowledge*” yang berkait dengan “*what works*” dan praktikal dalam tugasannya sehari-hari di sekolah. Kepimpinan yang berfokuskan konteks kerja inilah yang akan memberikan lebih impak kepada sekolah yang tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat.

Dalam pada itu, IAB juga berharap agar para graduan dapat mengwara-wara program ini dan kelebihannya kepada rakan-rakan di sekolah untuk peningkatan kerjaya dan profesionalisme diri dalam pentadbiran dan pengurusan pendidikan. Malah sebagai persediaan untuk menjalankan tanggungjawab di peringkat kepimpinan sekolah apabila diperlukan pada bila-bila masa.

## **PERANAN IAB**

Sehubungan dengan itu, IAB sebagai *Premier Centre* sentiasa berusaha memperkasa kepimpinan pendidikan di negara ini supaya sentiasa relevan dan berada atas landasan yang betul dalam mematuhi dan memenuhi kehendak *stakeholders*. Antaranya, pelaksanaan NPQEL yang merupakan program utama IAB memberi pengalaman terancang kepada peserta untuk memperoleh dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan amalan terbaik kepimpinan pendidikan.

Yang Berbahagia Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan,

## **HARAPAN**

Sekali lagi, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri begitu signifikan buat kami semua. Ucapan tahniah dan syabas kepada semua peserta NPQEL atas kejayaan yang dicapai. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat meneruskan momentum kegigihan dan ketekunan untuk mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat. Motivasi serta kehausan terhadap ilmu ini biarlah berterusan kerana proses pembelajaran itu tiada penghujungnya.

## PENUTUP

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Komensmen kali ke-14 yang telah bekerja keras bagi menjayakan majlis ini. Tanpa usaha dan sokongan kalian tentunya majlis ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya juga mewakili seluruh warga IAB memohon maaf seandainya terdapat sebarang kelemahan atau kekurangan sepanjang perjalanan majlis komensmen ini.

Sekian, terima kasih.





## **UCAPAN ALU-ALUAN DI MAJLIS MAKAN MALAM NPQEL KOHORT 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

Institut Aminuddin Baki,

Genting Highlands

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

**S**alam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul di dewan besar ini untuk majlis makan malam bagi meraikan para peserta NPQEL mod baru ambilan 1 tahun 2013. Saya bagi pihak majlis merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Khair Bin Mohd Yusoff TKPPM., SPPK, kerana sudi hadir bersama kita dalam majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Datuk akan memeriahkan lagi majlis yang diadakan pada malam ini. Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk, seramai 497 orang peserta telah melapor diri untuk Ambilan 1/2013 ini walaupun yang diarahkan adalah seramai 500 orang. Semua peserta ini terdiri daripada 282 orang sekolah menengah

dan 218 orang sekolah rendah. Kesemua mereka di tempatkan di tiga lokasi iaitu 274 orang di IAB Induk, 183 orang di IAB Cawangan Utara dan 40 orang di IAB Sarawak. Pahang merupakan negeri yang mempunyai peserta paling ramai iaitu 62 orang manakala yang paling sedikit sekali ialah Perlis dengan hanya 7 orang peserta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman semua, NPQEL mod baru ini adalah sama dari segi kualiti dengan NPQEL yang terdahulu cuma berbeza dari tempoh masa pelaksanaannya sahaja. Kandungan kursus tetap sama seperti mod lama yang memakan masa selama setahun. Mod baru ini akan dilaksanakan selama 5 bulan dengan tiga fasa bersemuka. Fasa 1 akan mengambil masa selama 4 minggu termasuk satu minggu untuk orientasi. Fasa dua pula selama 2 minggu dan fasa 3 selama 1 minggu sahaja. Para peserta masih perlu melaksanakan program penandaarasan dan juga sandaran sepanjang menjalani program NPQEL ini. Kursus NPQEL mod baru ini banyak menggunakan e-pembelajaran, oleh itu para peserta dinasihatkan agar menguasai komputer dengan baik supaya pembelajaran boleh berjalan dengan lancar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman, sehingga kini program NPQH dan NPQEL telah berjaya melatih seramai 2073 peserta sekolah rendah dan menengah seluruh negara bermula dari tahun 1999 hingga kini. Ada di kalangan mereka ini telah dilantik menjadi pengetua dan guru besar dan maklumbalas yang diterima menyatakan lulusan program ini telah berjaya melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Harapan kita sebagai pelaksana program kementerian adalah untuk melahirkan para pemimpin sekolah yang berkualiti dan berkompetensi tinggi dan ini telah berjaya direalisasikan oleh program NPQEL ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Tuan-tuan dan puan-puan adalah merupakan kohort 1/2013. Saya menaruh harapan yang tinggi agar tuan-tuan dan puan-puan dapat mengikuti program ini dengan jayanya kerana semua peserta yang lepas telah berjaya dengan cemerlang. Gunakanlah peluang yang ada ini untuk menimba sebanyak mungkin ilmu sebagai persediaan untuk menjadi pemimpin cemerlang suatu hari nanti. Sesungguhnya mencari ilmu itu tidak terhad di bilik kelas sahaja, gunakanlah pusat sumber yang ada untuk menambah ilmu dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan kerana pusat sumber IAB mempunyai koleksi buku-buku yang banyak dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Jangan sia-siakan peluang keemasan yang tersedia untuk anda semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Adalah menjadi harapan saya agar kita akan terus dapat melaksanakan program ini dan sasaran 500 peserta setiap ambilan akan dapat menjadi kenyataan kerana hasrat menjadikan Sijil NPQEL sebagai prasyarat pelantikan pengetua dan guru besar telah pun di maktubkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). Akhir sekali saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus berusaha agar mampu menjadi pemimpin yang kompeten di suatu hari nanti. Insya Allah.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



## **UCAPAN ALU-ALUAN MAJLIS PENUTUPAN SEMINAR NASIONAL KALI KE-20 TAHUN 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

1-4 Julai 2013

Institut Aminuddin Baki,

Genting Highlands

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA

### **PENDAHULUAN**

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat menjayakan Seminar Nasional Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan di Peringkat Institut Aminuddin Baki kali ke-20 pada tahun ini. Semoga pada seminar kali ini ia dapat memberi makna kepada semua pihak, khususnya kepada para pemimpin sekolah dan pentadbir pengurusan pendidikan yang sudah pasti mengharapkan sesuatu sentuhan minda dalam menangani perubahan kepimpinan pengurusan pendidikan pada masa akan datang. Anjakan paradigma dalam sistem pendidikan negara sudah pasti berlaku jika adanya cetusan idea-idea yang bernes

dan perkongsian ilmu dari kajian-kajian impak yang dilaksanakan oleh semua pihak.

Saya yakin Seminar Nasional ini pasti dapat memberi kesan yang mendalam terhadap semua hadirin kerana sepanjang tiga hari berkampung, kita berkongsi ilmu dan pengalaman daripada semua wakil bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia. Diharapkan hasilnya nanti Seminar Nasional akan berupaya menjadi sebahagian dari pada sumber pencetus idea perubahan minda dan kepimpinan di peringkat organisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya bagi pihak IAB mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri hadir bagi memeriahkan majlis ini. Kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri akan menjadi Pencetus semangat kepada kami untuk terus berbakti bagi memartabatkan lagi dunia pendidikan negara ke peringkat yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan masa bagi menjayakan majlis kita pada kali ini. Tanpa kehadiran Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam majlis ini, seminar ini juga tidak akan dapat mencapai apa yang dihasratkan. Adalah diharapkan pada masa akan datang, Seminar Nasional akan menjadi sumber perkongsian ilmu yang berteraskan pengurusan kepimpinan pendidikan di peringkat antarabangsa.

Tidak lupa juga kepada warga IAB yang telah berusaha bersungguh-sungguh memastikan program tahunan ini berjalan dengan baik dan lancar. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua

peringkat pelaksana sehingga ke peringkat kecil yang bersiap siaga dalam semua aspek bagi mempastikan semua perjalanan seminar ini menepati sasaran dan objektif pelaksanaannya. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Yang Berbahagia Tan Sri serta hadirin yang dihormati sekalian,

## HARAPAN IAB

Menyentuh tentang tema Seminar Nasional ke-20 kita kali ini, saya amat yakin bahawa tuan/puan telahpun memperoleh pendekatan baharu yang hendak dibawa bersama ke organisasi tuan/puan. Berdasarkan beberapa hasil pembentangan kertas kerja dan sesi soal jawab yang berkaitan, diharapkan agar isu kepimpinan pengurusan pendidikan dan kaitannya dengan masa depan generasi baharu dapat ditangani dengan cara yang dinamik dan proaktif sejajar dengan kepantasan teknologi terkini. Maklumat di hujung jari mampu menangani pelbagai perkara yang berkaitan dengan penyelesaian isu-isu pendidikan selain daripada perjumpaan tuan/puan dalam seminar sebegini. Pengkongsian pengalaman tuan/puan juga tidak dapat dinafikan akan menjadi landasan kepada generasi baharu untuk meneruskan wadah perjuangan tuan/puan sebelumnya seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan akan datang. Ini kerana tiada yang lama, tiadalah yang baharu. Yang baharu tidak akan berdiri tanpa ada yang lama memulakan tiang serinya. Manakala elemen yang lain merupakan pelengkapnya yang menambahbaikan apa yang sedia ada. Mana-mana elemen yang sudah tidak relevan lagi untuk generasi akan datang diubah suai dengan caranya yang lebih baik agar sesuai dengan perkembangan budaya hidup semasa dan akan datang serta menepati keperluan negara di masa hadapan.

Kepimpinan dinamik berupaya memberi implikasi yang besar terhadap perubahan organisasi sama ada perubahan pada sistem pengurusan

atau perubahan pada sumber pengurusannya. Kepimpinan yang berkesan mampu menggerakkan seluruh sumber dalam organisasi bagi menangani isu-isu global. Sehubungan dengan itu, perubahan yang hendak dibawa juga perlu menepati dan memenuhi keperluan generasi masa hadapan di mana era teknologinya serba canggih serta bergerak pantas. Menurut perspektif Islam, kepimpinan adalah satu amanah Allah SWT. Ia merupakan tanggungjawab kepada individu untuk menunaikan kewajipan dan memberikan hak kepada yang empunya. Sesuai dengan penciptaan manusia di muka bumi ini, Allah SWT menjadikan manusia adalah sebaik-baik kejadian berbanding dengan makhluk-Nya yang lain untuk mentadbir dan mengurus alam berdasarkan keupayaan akal fikiran dan kebolehan manusia itu sendiri sebagai khalifah (pentadbir). Oleh itu, seorang pemimpin seharusnya berupaya untuk memberi pandu arah dan meningkatkan inspirasi pengikutnya bagi mencapai kecemerlangan dalam konteks tadbir urus manusia. Pemimpin yang berkesan apabila berupaya memenuhi matlamat organisasi atau kelompok sosial yang dipimpinnya dengan cekap.

## PENUTUP

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bekerja keras bagi menjayakan seminar ini. Tanpa usaha dan sokongan semua pihak tentunya seminar ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya juga mewakili seluruh warga IAB memohon maaf terhadap sebarang kelemahan atau kekurangan di sepanjang perjalanan seminar ini berlangsung. Apa yang buruk itu adalah daripada kelemahan kami dan yang baik itu adalah datangnya daripada Allah SWT. Dengan ini saya akhiri ucapan ini dengan lafaz yang mulia;

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰى وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih.



# **UCAPAN ALU-ALUAN MAJLIS PERASMIAN KOLOKIUM KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-9 TAHUN 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

6-9 Mei 2013

Institut Aminuddin Baki,  
Cawangan Utara Jitra, Kedah

**A**ssalamu'alaikum ww, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia, Atuan-tuan dan puan-puan pemimpin pendidikan yang saya hormati sekalian, Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-9 dapat direalisasikan. Setinggi penghargaan saya rakamkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis perasmian pada pagi ini. Seterusnya saya turut mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara yang menjadi tonggak utama melaksanakan kolokium ini. Selamat Datang daripada

saya kepada semua pemimpin pendidikan yang berada dalam dewan untuk sama-sama menjayakan kolokium ini. Tidak ketinggalan diucapkan terima kasih kepada semua pembentang yang akan membentangkan kertas kerja mereka sepanjang kolokium ini.

Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional telah diadakan sebanyak sembilan kali dengan bermulanya Kursus Kepimpinan Instruksional yang telah diadakan mulai tahun 2005. Kolokium yang pada mulanya menasarkan penyertaan pemimpin-pemimpin pendidikan yang telah menghadiri Kursus Kepimpinan Instruksional kini telah dilebarluaskan penyertaannya kepada semua pemimpin pendidikan termasuklah pemimpin pendidikan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Penyertaan daripada pemimpin pendidikan di semua peringkat ini diharap dapat memperbanyak lagi ruang-ruang perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman, selari dengan matlamat dan objektif penganjuran kolokium ini.

Tema yang dipilih pada kolokium tahun ini adalah Kepimpinan Instruksional Pemacu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kepimpinan Instruksional atau Kepimpinan Pengajaran adalah sebarang aktiviti yang dilaksanakan oleh pentadbir sekolah bagi meningkatkan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan sekolah. Tindakan dan aktiviti yang dimaksudkan di sini adalah banyak dan pelbagai. Walau bagaimanapun, fokus Kepimpinan Instruksional adalah lebih kepada memberi sumbangan dalam aspek pembelajaran murid. Manakala, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pula adalah bermatlamat membawa perubahan yang bermakna kepada kualiti kehidupan rakyat Malaysia melalui peningkatan akses dan kualiti pendidikan kepada semua murid. Pendidikan yang berkualiti hanya dapat diperoleh melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

Sudah jelas dan nyata di sini bahawa Kepimpinan Instruksional itu merupakan elemen yang penting dalam merealisikan hasrat pendidikan di negara ini. Oleh itu, sebagai pemimpin instruksional di sekolah masing-masing, saya berharap agar setiap detik perjalanan kolokium ini dapat digunakan oleh peserta semua untuk menimba sebanyak mungkin ilmu untuk diri sendiri khasnya, dan juga organisasi masing-masing amnya. Perkongsian pengalaman dan pengetahuan diharap dapat dilakukan bukan sahaja di dalam dewan ini, malah pada sepanjang masa dan tempat kolokium ini berlangsung. Semoga apa yang dikongsi bersama itu dapat diterjemahkan di sekolah mengikut acuan kita masing-masing.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan kolokium pada tahun ini. Semoga bertemu lagi dalam Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional pada tahun-tahun yang akan datang. Selamat berkolokium.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





# PERASMIAN





## **UCAPAN PERASMIAN MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2012**

**YH Dato' Hj Khairil bin Hj Awang**

Pengarah IAB

Institut Aminuddin Baki,

Genting Highlands

**A**ssalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Alhamdulilah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, maka kita dapat hadir di Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB Tahun 2012.

Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa pengelola, iaitu Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan yang dapat mengelolakan program Bulan Bahasa Kebangsaan ini. Program ini adalah satu inisiatif yang amat baik dalam usaha kita untuk menyemarakkan semangat cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan warga IAB.

Para hadirin yang dihormati,

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, para pemimpin yang terdahulu telah bersepakat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, sementara bahasa ibunda yang lain boleh digunakan di luar urusan rasmi. Dalam konteks Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang pernah dijajah oleh British pada ketika itu, penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dilihat amat penting dalam usaha memupuk perpaduan kaum serta membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu. Pelbagai usaha dilaksanakan dengan harapan agar semua rakyat negara kita bersatu padu dengan menggunakan bahasa kebangsaan kita.

Bermula dengan termaktubnya Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan, diikuti dengan penggubalan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1959, kemudianya Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi telah terpahat kukuh dalam perlembagaan dan undang-undang negara. Walau bagaimanapun, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu tidak terhenti setakat itu sahaja. Kedudukan bahasa Melayu kemudiannya dimantapkan lagi dengan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

*Bersarang kenari di ranting pulasan,  
Bertingkah siulan unggas di desa;  
Bahasa dilestari mendukung warisan,  
Pusaka peninggalan khazanah bangsa.*

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan bermula dengan panggilan Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa kebangsaan sepanjang dekad

60-an. Kempen ini kemudian telah diberi pelbagai nama, misalnya Gerakan Cintailah Bahasa Kita, Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta, dan Bulan Bahasa dan Sastera Negara. Pada tahun 2009, nama Bulan Bahasa Kebangsaan digunakan sekali lagi di semua peringkat sambutan bersesuaian dengan matlamat pelaksanaannya.

Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan usaha kerajaan menyemarakkan rasa cinta masyarakat terhadap bahasa kebangsaan melalui perancangan dan pelaksanaan pelbagai program yang berkaitan dengan bidang bahasa. Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan diharapkan akan dapat memantapkan, memperkuuh serta mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia. Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan ini juga selaras dengan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

*Sedap dimakan kacang kelisa,  
Buah peria pahit dan maung;  
Bahasa menggabungkan etnik bangsa,  
Satu Malaysia sama bernaung.*

Tema Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini, iaitu “1Bahasa 1Bangsa 1Negara” memang berkaitan secara langsung dengan Dasar Bahasa Kebangsaan yang berhasrat membentuk satu bangsa melalui satu bahasa agar menjadi sebuah negara maju di rantau ini. Bahasa kebangsaan merupakan budaya kita. Bahasa kebangsaan menjadi tali pengikat dalam menyatupadukan rakyat pelbagai keturunan.

Tambahan pula, tema ini juga bertepatan dengan situasi bahasa Melayu yang berfungsi bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perpaduan, malah juga berfungsi sebagai bahasa pengantar,

bahasa ilmu dan bahasa komunikasi rakyat Malaysia. Selain itu, kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan bukan sahaja di peringkat kebangsaan, malah di peringkat antarabangsa demi menjayakan matlamat Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Dengan kata lain, aspirasi 1Bahasa 1Bangsa 1Negara dalam konteks 1Malaysia dapat dicapai sekiranya bahasa Melayu digunakan secara meluas dalam segala urusan kehidupan. Sementara itu, kita sendiri harus memimpin gerakan menjadikan bahasa Melayu sebagai satu bahasa komunikasi di persada antarabangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

*Mengemping padi janganlah jemu,  
Makan nasi duduk di pinggir;  
Bahasa menjadi wacana ilmu,  
Melahirkan generasi tuntas berfikir.*

Bahasa Melayu sewajarnya menjadi wahana penyebaran ilmu bagi membina keintelikualan bangsa. Bahasa Melayu sememangnya berkeupayaan memainkan fungsi penyampaian pendapat, buah fikiran, hujah dan sebagainya dalam semua bidang ilmu. Bahasa jiwa bangsa. Melalui bahasalah akan terpancar akal dan kebijaksanaan, sejarah dan warisan, weltanschauung (*world view*), hasrat dan aspirasi dan segala pengungkapan tentang kejayaan dan pencapaian sesuatu bangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

IAB merupakan pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan di Malaysia, turut memikul tanggungjawab sebagai peneraju dalam pelbagai program transformasi. Setiap warga IAB perlu memainkan peranan yang penting khasnya dari segi kepimpinan melalui teladan. Marilah kita sama-sama merealisasikan gagasan 1Bahasa 1Bangsa 1Negara dan 1Malaysia

agar bahasa kebangsaan berfungsi secara betul, tepat dan berkesan dan diamalkan oleh seluruh warga IAB.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah staf Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Ketua Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan dan semua pihak yang turut menjayakan program sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat IAB. Saya pasti program ini akan disambut baik oleh semua warga IAB.

*Yang kurik itu kundi, yang merah itu saga;  
Yang baik itu budi, yang indah itu bahasa.*

Dengan lafaz suci Bismillah, saya dengan ini merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012 Peringkat Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian.





# **MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERSIDANGAN PEMBANGUNAN ORGANISASI INSTITUT PENDIDIKAN (SCHOOL IMPROVEMENT PROGRAMME – SIPartner/SISC) 2012**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

5 Disember 2012

Hotel Dorsett, Subang

**B**ismillahirrahmannirrahim Alhamdullillah hirobbil alamin, wa salaatu wa salaamu ‘alaa sayidina Muhammad wa ‘alaa alihi wasahbihi ajmain. Assalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Jabatan Pelajaran Negeri, Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah, pemimpin-pemimpin sekolah, Pengetua-pengetua Cemerlang, Pensyarah-

pensyarah Kanan IAB, para peserta persidangan yang saya hormati sekalian.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

## **MUKADIMAH**

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat kita berhimpun bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan tahun 2012 buat kali pertama.

Hadirin yang dimuliakan, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## **PENGHARGAAN**

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia kerana sudi meluangkan masa merasmikan Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan (*School Improvement Program - Sipartner/ S/SC*). Kehadiran Yang Berbahagia Datuk ke majlis ini amat dialu-alukan dan dihargai oleh kami semua. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk.

Yang Berbahagia Datuk,

## LATAR BELAKANG

Kini, Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan yang bertema “*Coaching dan Mentoring Kepimpinan dalam Pembangunan Organisasi Pendidikan – S/Partner / SISC*” telah sampai ke penghujungnya. Tema kali ini adalah bertepatan dengan transformasi pendidikan di negara kita. *Coaching dan Mentoring* sedang dilaksanakan bagi merealisasikan usaha komprehensif dengan mencabar, memotivasi serta membantu kesemua 10,000 buah sekolah untuk meningkatkan pencapaian murid terutama sekolah yang berprestasi rendah.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, hadirin yang saya hormati sekalian,

## ISU PEMBENTANGAN

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk, selama persidangan ini berlangsung, anggota persidangan telah didedahkan dengan perkongsian amalan *S/Partner* dan amalan *SISC*. Pada masa yang sama para peserta juga telah mendengar pembentangan Kajian *SISC* dan Kajian *S/Partner*. Bagi pihak Jawatankuasa Penganjur dan warga IAB, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pembentang yang telah berkongsi amalan, dapatan kajian, idea dan cadangan penambahbaikan yang begitu berharga dalam usaha meningkatkan keupayaan organisasi pendidikan serta merapatkan jurang bagi sekolah yang berprestasi rendah.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang mulia,

## **MATLAMAT TERCAPAI**

Saya amat yakin persidangan ini telah mencapai matlamatnya, yakni, memantapkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pemimpin sekolah dalam menyediakan intervensi yang dapat membangunkan sekolah dengan lebih pesat lagi. Kepimpinan dan pengurusan sekolah dan semua pemimpin pendidikan kini hanya perlu mengambil peluang untuk membuat refleksi dan menggunakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan untuk membuat penambahbaikan terhadap organisasi masing-masing.

## **PERLU TRANSFORMASI**

Berlandaskan hakikat perlu meningkatkan kecemerlangan dan merapatkan jurang pencapaian antara sekolah ini maka usaha meningkatkan standard sekolah-sekolah berprestasi rendah di seluruh negara terutamanya sekolah yang terletak di luar bandar dan kawasan pedalaman sudah menjadi satu keperluan dan kemestian. Sehubungan itu, warga pendidik disarankan supaya menyedari bahawa selepas lebih setengah abad Malaysia mencapai kemerdekaan, sudah sampai masanya pendidikan ditransformasi supaya semua anak-anak kita mendapat peluang kepada akses pendidikan yang berkualiti.

Dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang mulia,

## **TERIMA KASIH**

Dalam kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof kerana sudi bersama-sama kita pada pagi yang indah ini. Tidak lupa juga terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan seminar ini khususnya Jawatankuasa Pelaksana

Persidangan, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga pihak media massa.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## **PENUTUP BICARA**

Sebagai pengakhir bicara, IAB berharap segala perkongsian daripada pembentangan kertas dalam persidangan ini diharapkan dapat mencetus idea dan memotivasi para peserta untuk mentransformasi organisasi masing-masing ke arah pencapaian yang lebih cemerlang. Diharapkan persidangan ini akan menjadi satu program wacana yang berkala dalam usaha Kementerian Pendidikan memastikan tiada lagi sekolah yang berprestasi rendah menjelang tahun 2015.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT INSTITUT AMINUDDIN BAKI

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

Jun 2013

Auditorium Dato' Razali Ismail,  
Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

## PENDAHULUAN

**A**lhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya kita dapat bersama-sama meraikan sambutan Hari Guru Tahun 2013 peringkat Institut Aminuddin Baki (IAB) yang bertema "Guru Malaysia: 1Aspirasi, 1Agenda". Sambutan ini amat bermakna kerana memberi penghormatan dan pengiktirafan terhadap jasa bakti para guru mendidik anak bangsa di seluruh pelosok negara.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan majlis sambutan Hari Guru pada kali ini. Saya percaya, tanpa usaha dan kerjasama bersungguh-sungguh seluruh warga IAB, sesuatu perkara itu tidak dapat dijayakan dengan sempurna.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

## **UCAPAN SELAMAT HARI GURU**

Sempena sambutan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada Semua warga IAB. Semoga kita semua terus berjihad dan bertekad meneruskan perjuangan ini demi melaksanakan amanah memacu kecemerlangan pendidikan di negara kita. Bersesuaian dengan tema “Guru Malaysia: 1Aspirasi 1Agenda” maka warga pendidik perlu berkongsi wadah perjuangan yang sama dalam melaksanakan Pelan Transformasi Pendidikan yang menuntut seluruh warga pendidik melipat gandakan usaha demi membina masa depan yang dihasratkan.

Sesungguhnya, kejayaan hari esok perlu diatur langkahnya bermula hari ini agar kita dapat merealisasikan agenda besar pendidikan negara dengan bersatu hati melakukan anjakan secara dinamik dan progresif yang berupaya menyediakan pendidikan terbaik kepada generasi masa depan 1Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan terbilang di dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

## **GURU MALAYSIA: 1ASPIRASI 1AGENDA**

“Guru Malaysia: 1Aspirasi 1Agenda” perlu dihayati dan dibudayakan oleh semua warga pendidik walau di mana jua berada. 1Aspirasi bermaksud semua pendidik Malaysia mempunyai satu aspirasi untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti bertaraf dunia seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Semua pendidik bertanggungjawab melahirkan murid yang mempunyai enam aspirasi, iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional.

Aspirasi juga diterjemahkan daripada cita-cita murni PPPM 2013-2025, iaitu ke arah sistem pendidikan negara yang memastikan akses kepada kejayaan, kualiti *standard* antarabangsa yang tinggi, ekuiti untuk semua murid, memupuk perpaduan dalam kalangan murid dan pelaksanaan berkecekapan tinggi.

Agenda pula menekankan agar semua pendidik Malaysia berpegang kepada satu agenda, iaitu memastikan kejayaan PPPM. Warga pendidik perlu berpegang teguh kepada etika profesion keguruan yang mempunyai satu agenda atau tugas utama, iaitu melahirkan murid seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

## **PERANAN PENDIDIK DALAM PPPM**

Hasrat dan kehendak dalam PPPM perlu difahami oleh setiap warga pendidik untuk diterjemahkan melalui pendidikan berkualiti menjangkau ke seluruh lapisan kanak-kanak yang bersesuaian dengan prinsip pendidikan untuk semua tanpa membezakan kaum, status sosial, taraf ekonomi dan agama. Oleh itu, jentera pendidikan dalam kalangan warga pendidik sama ada sebagai pendidik di bilik darjah, pentadbir sekolah dan pentadbir pendidikan yang cemerlang dan profesional mesti mula bergerak menyampaikan perkhidmatan pendidikan terbaik ke arah kemenjadian murid yang wataknya menepati deskripsi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam menjana transformasi PPPM, tugas warga pendidik bukan sekadar menjadi mudarris (pendidik), tetapi pendidik juga sebagai mua'llim (penyampai yang benar), sebagai murabbi (pengasuh dan pendidik anak-anak dengan kasih sayang), sebagai muaddib (pembentuk adab dan akhlak anak-anak) dan sebagai mursyid (pembimbing ke arah kebenaran). Pendidik perlu bijak, kreatif dan inovatif dalam memenuhi

kehendak semasa yang semakin rencam serta sentiasa bersedia dan berani melakukan anjakan perubahan yang selaras dengan dasar pendidikan terkini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

## **PERANAN IAB**

Dalam hal ini, IAB sebagai institusi latihan kepimpinan memainkan peranan penting dalam menjayakan anjakan kelima PPPM, iaitu memastikan setiap pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Pihak IAB bertanggungjawab dalam membina keperibadian pemimpin pendidikan dan membangunkan keupayaan mereka sebagai pemimpin instruksional yang memiliki pelbagai kemahiran. Kajian menunjukkan kepimpinan sekolah yang mantap diperlukan bagi meningkatkan pencapaian murid secara signifikan. Dalam sistem sekolah yang berprestasi tinggi, pengetua/guru besar bukan sekadar pemimpin pentadbiran, malah mereka juga merupakan pemimpin instruksional yang memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing.

Sekiranya kita mahu mengorak langkah lebih pantas dalam perlumbaan menuju negara maju, tiada jalan pintas untuk mencapainya. Kita tidak ada kuasa ajaib yang boleh menjelmakan hasil yang terbaik dalam sekilip mata, melainkan kita perlu akur dengan realiti semasa, jujur melakukan pembetulan dan mengambil langkah berani untuk melonjakkan prestasi pendidikan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Di tangan setiap warga pendidik tersimpannya kunci utama bagi membuka ruang merealisasikan agenda pendidikan negara ke tahap bertaraf dunia. Oleh itu, setiap pendidik perlu memiliki wawasan unggul untuk menjelmakan transformasi ini menjadi kenyataan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan,

## HARAPAN

Perubahan sistem pendidikan akan sejajar dengan perubahan dalam semua aspek kehidupan baik dari segi ekonomi, budaya dan politik. Leka dan alpa boleh menyebabkan kita terpinggir dan tersungkur. Pendek kata prinsip dan nilai sejagat akan menentukan kejayaan sesuatu institusi, organisasi atau negara.

Kita perlu melengkapkan diri dari segala sudut. Baik dari ilmu pengetahuan yang berasaskan teknologi tinggi sehingga mampu memupuk semangat kebangsaan yang unggul dalam jiwa masing-masing. Jika kita tidak bersedia menghadapi perubahan dunia, negara tidak mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Pembangunan negara mestilah seiring dengan pembangunan rohaniah agar kesinambungan di antaranya dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan bangsa 1Malaysia berdasarkan acuan kita sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Suka saya untuk membacakan kata-kata yang dipetik dari sebuah sajak terjemahan ini...

*Jika kau tak dapat jadi pohon cemara di puncak bukit  
Jadilah belukar di bawah lembah  
Tetapi jadilah belukar terbaik dipinggir sungai sempit  
Jadilah belukar, jika tak dapat menjadi pokok  
Jika tak dapat menjadi belukar selengkar  
Jadilah rumput sederet  
Dan serikan sebatang jalanraya,,,  
Jika tak dapat jadi ikan temoleh  
Jadilah seluang  
Tetapi seluang yang terlincah di tasik terbentang  
Kerana...*

*Tidak semua boleh menjadi nakhoda  
Sebahagian kita perlu menjadi kelasi  
Namun tiap tubuh punya kerja  
Tugas besar dan tugas kecil  
Tugas segera dan tugas terdekat...  
Jika tak boleh menjadi matahari  
Jadilah sebutir bintang  
Besar kecil bukanlah ukuran gagal jaya  
Tetapi ... Jadilah yang terbaik dalam segala*

## PENUTUP

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru. Terima Kasih Cikgu. Marilah kita berganding bahu menjayakan 1aspirasi dan 1agenda pendidikan negara. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Hari Guru Peringkat IAB bagi Tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

و بِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰى وَبَرَكَاتُهُ

# MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT IAB 2013

**YH Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang**

Pengarah IAB

15 November 2013

Auditorium Dato' Razali Ismail,

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله رب العالمين،  
والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى الله وأصحابه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

## PENGENALAN

**M**ariyah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama pada hari Jumaat, 15 November 2013 dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) Peringkat IAB tahun 2013.

Semoga melalui majlis seperti ini, matlamat sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan untuk memantapkan, memperkuuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia akan tercapai.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB kerana menjayakan aktiviti Bulan Bahasa Kebangsaan kali ini. Mudah-mudahan, matlamat kita untuk memperkasa bahasa kebangsaan melalui program dan aktiviti kebahasaan yang melibatkan seluruh masyarakat amnya dan warga IAB khususnya akan dapat dicapai, bersesuaian dengan tema Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini, iaitu “1 Bahasa, 1 Bangsa, 1 Negara”. Terima kasih juga diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang turut serta pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB 2013 .

Hadirin yang dihormati sekalian,

## LATARBELAKANG SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK)

Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan suatu program yang memfokuskan kepada kempen cintai bahasa Melayu yang dipelopori pengjurannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mendidik masyarakat berbilang bangsa di Malaysia agar dapat menyemarakkan dan seterusnya memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai aspek yang boleh memacu ke arah kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa kelas dunia yang praktikal dan realistik.

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang diadakan saban tahun bukanlah sekadar memenuhi acara tahunan, tetapi sambutan ini merupakan satu agenda negara yang amat penting dalam usaha menyemarakkan semangat cinta kepada bahasa kebangsaan di segenap lapisan masyarakat di negara kita ini. Pendekatan ini selaras dengan satu daripada tujuan BBK iaitu untuk mengeratkan dan memperkuuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan. Melalui program-program dan aktiviti-aktiviti kebahasaan yang telah dirancang, sudah pasti usaha murni memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara kita, Malaysia yang tercinta ini akan tercapai. Dengan ini, akan menyemarakkan lagi peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara bangsa.

Bahasa merupakan alat komunikasi. Berjaya atau gagalnya sesuatu komunikasi itu berkait rapat dengan bahasa yang digunakan serta kesantunan penggunaannya. Kepentingan kesantunan bahasa dalam kehidupan bermasyarakat, terdapat dalam peribahasa yang diungkapkan sejak zaman-berzaman, antaranya, “Bahasa jiwa bangsa”, “Berbunyi bahasa diketahuilah bangsa” dan “Bahasa menunjukkan bangsa”. Dalam konteks negara kita yang penduduknya pelbagai kaum, bahasa dan budaya, maka perlulah adanya satu bahasa yang mampu menyatupadukan mereka. Bahasa Melayu yang diangkat sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar persekolahan di negara ini terbukti mampu berperanan sebagai alat yang menyatukan rakyat di negara ini.

Kerajaan kita amat prihatin dengan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara ini yang telah dizahirkan melalui pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sememangnya, bahasa Melayu boleh dan terbukti mampu digunakan sebagai bahasa perantara dalam semua bidang kehidupan sama ada rasmi atau tidak

rasmi. Evolusi bahasa Melayu yang pada asalnya merupakan bahasa bagi bangsa Melayu sahaja, khususnya pada era sebelum 1957 yang kemudian dinaik taraf menjadi bahasa kebangsaan pada tahun 1957 adalah bahasa untuk semua kaum di negara ini.

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan kali ini diharap dapat menyuntik semangat baharu dalam jiwa kita semua untuk terus memperkuuh dan mempertahankan bahasa kebangsaan kita agar terus unggul di mata dunia. Dengan adanya aktiviti-aktiviti kebahasaan seperti bicara bahasa, mendeklamasikan sajak, kuiz bahasa, berbalas pantun dan banyak lagi mampu memberi kesedaran kepada kita bahawa bahasa itu adalah jiwa bangsa dan perlu dipertahankan keutuhannya bertepatan dengan tema bulan bahasa kebangsaan, “1 Bahasa 1 Bangsa 1 Negara”.

Tema Bulan Bahasa kebangsaan tahun ini telah diguna pakai sejak tahun 2010 lagi. Gagasan “1Malaysia” yang dicetuskan oleh Perdana Menteri kita, YAB Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak boleh kita jayakan melalui penghayatan dan penggunaan satu bahasa yang boleh dituturkan dan difahami oleh semua rakyat negara ini. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya bahasa yang digunakan oleh setiap bangsa dalam sesebuah negara. Tema sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan kali ini mengajak kita rakyat Malaysia agar menghayati dan menghargai bahasa kebangsaan sebagai tonggak bangsa kita dan cerminan jati diri kita. Sesungguhnya, kekuatan sesuatu bangsa itu dapat dilihat pada bahasanya untuk membentuk negaranya. Oleh itu, kita perlu fahami bahawa bahasa yang kita martabatkan itulah yang akan membentuk negara kita sebagai sebuah negara bangsa. Seandainya bahasa yang kita gunakan adalah bahasa kebangsaan, maka yang akan terpancar dalam diri kita ialah jiwa kebangsaannya.

Sebagaimana yang kita semua maklum, baru-baru ini, pada 26 Oktober 2013 bertempat di Dewan SITC Kampus Sultan Abdul Jalil Shah Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak telah diadakan

pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat Sektor Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelancaran BBK Peringkat Sektor Pendidikan kali ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan suatu gerakan besar-besaran di seluruh negara yang dilaksanakan sepanjang bulan Oktober hingga bulan Disember setiap tahun. Objektif utama sambutan BBK adalah untuk mempersegar semangat kecintaan masyarakat terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengungkapan budaya tinggi dan bahasa komunikasi sosial dan perpaduan.

Dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum ini, pelbagai bahasa digunakan dalam percakapan harian. Tidak dapat dinafikan bahasa Inggeris juga bersaing hebat dengan bahasa Melayu. Ini kerana ada suara-suara yang tidak yakin dengan kemampuan dan kehebatan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Ada yang menganggap bahasa Melayu adalah bahasa yang mundur. Bagi mereka bahasa Melayu tidak akan mampu mengungkapkan konsep-konsep ilmu moden yang diperlukan oleh bangsa kita untuk maju .

Menjadi tanggungjawab kita untuk mencintai dan mempercayai kehebatan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Kita perlu yakin dengan kemampuan bahasa kebangsaan kita sendiri sebagai bahasa ilmu yang mampu mengorak langkah ke arah negara maju. Oleh itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menetapkan bahawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan di negara kita. Cuba kita bayangkan sekiranya bahasa kebangsaan tidak lagi digunakan di sekolah dan di universiti. Perkembangan bahasa kebangsaan pastinya akan terbantut dan tamatlah bahasa kita sebagai bahasa ilmu. Oleh hal yang demikian, langkah-langkah untuk menyemarakkan bahasa

kebangsaan melalui Bulan Bahasa Kebangsaan ini merupakan satu proses yang amat baik. Marilah kita warga Institut Aminuddin Baki bersama-sama menyemarakkan BBK ini agar segala program dan aktiviti kebahasaan yang dirancang berjalan lancar dan meninggalkan impak positif yang mampu menjulang bahasa Melayu ke persada dunia.

Selain itu, komitmen kita untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan atau dalam bidang-bidang yang lain adalah berdasarkan kepada keyakinan kita terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kemajuan. Keyakinan ini berasaskan kepada bukti bahawa keluaran sistem pendidikan kita yang berteraskan pendidikan bahasa kebangsaan telah berjaya menjadi pemangkin kepada kemajuan negara selama ini. Persepsi bahawa bahasa kebangsaan tidak berupaya untuk menjadi bahasa ilmu dan bahasa kemajuan merupakan tanggapan yang meleset. Pemartabatan sesuatu bahasa sebagai bahasa ilmu dan bahasa kemajuan, bukanlah semata-mata bergantung kepada sistem bahasa itu, tetapi turut berkait dengan faktor peradaban dalam kalangan pengguna bahasa itu sendiri.

## HARAPAN IAB

Sempena BBK peringkat IAB kali ini, suka saya mengingatkan bahawa segala usaha kita untuk memartabatkan dan memperkasa bahasa kebangsaan tidak akan berhasil sekiranya kita semua sebagai penjawat awam, khususnya warga pendidik tidak mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menghormati dan menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan seharian.

Oleh itu , dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan bahasa kebangsaan, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengisytiharkan bulan Oktober sebagai BBK. Sehubungan dengan itu, semua kementerian, kerajaan negeri dan agensi kerajaan diharap

dapat melaksanakan program BBK pada peringkat masing-masing bagi menyemarakkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat kita. Oleh itu, marilah kita sama-sama mendoakan agar usaha memartabatkan bahas Melayu sebagai bahasa utama di negara ini berjalan lancar dan teratur seperti yang direncanakan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## PENUTUP

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah menjayakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 ini, khususnya kepada pihak Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan yang menjadi pengelola sambutan ini, dan semua warga IAB yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Mudah-mudahan dengan adanya usaha-usaha seperti ini, kita akan lebih menghargai keindahan dan ketinggian martabat bahasa kita. Dua rangkap pantun sebagai penyimpul bicara:

*Yang kurik itu kundi,  
Yang merah itu saga,  
Yang elok itu budi,  
Yang indah itu bahasa.*

*Tingkap papan kayu bersegi.  
Sampan sakat di Pulau Angsa;  
Indah tampan kerana budi,  
Tinggi bangsa kerana bahasa.*

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan sukacitanya melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 peringkat Institut

Aminuddin Baki. Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰى وَبَرَكَاتُهُ



# **PERASMIAN PENUTUP**



**MAJLIS PERASMIAN  
PENUTUPAN PERSIDANGAN  
PEMBANGUNAN ORGANISASI  
INSTITUT PENDIDIKAN (SCHOOL IMPROVEMENT  
PROGRAMME – SIPartner/SISC) 2012**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

5 Disember 2012

Hotel Dorsett, Subang

Bismillahirrahmannirrahim Alhamdullillah hirobbil alamin, wa salaatu wa salaamu ‘alaa sayidina Muhammad wa ‘alaa alihi wasahbihi ajmain. Assalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Jabatan Pelajaran Negeri, Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah, pemimpin-pemimpin sekolah, Pengetua-pengetua Cemerlang, Pensyarah-pensyarah Kanan IAB, para peserta persidangan yang saya hormati sekalian.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian,

## **MUKADIMAH**

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat kita berhimpun bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan tahun 2012 buat kali pertama.

Hadirin yang dimuliakan, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## **PENGHARGAAN**

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Khair bin Mohamad Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia kerana sudi meluangkan masa merasmikan Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan (*School Improvement Program - Sipartner/ SISC*). Kehadiran Yang Berbahagia Datuk ke majlis ini amat dialu-alukan dan dihargai oleh kami semua. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk.

Yang Berbahagia Datuk,

## **LATAR BELAKANG**

Kini, Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan yang bertema “*Coaching dan Mentoring Kepimpinan dalam Pembangunan Organisasi Pendidikan – S/Partner/ SISC*” telah sampai ke penghujungnya.

Tema kali ini adalah bertepatan dengan transformasi pendidikan di negara kita. *Coaching* dan *Mentoring* sedang dilaksanakan bagi merealisasikan usaha komprehensif dengan mencabar, memotivasi serta membantu kesemua 10,000 buah sekolah untuk meningkatkan pencapaian murid terutama sekolah yang berprestasi rendah.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, hadirin yang saya hormati sekalian,

## ISU PEMBENTANGAN

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk, selama persidangan ini berlangsung, anggota persidangan telah didedahkan dengan perkongsian amalan *SIPartner* dan amalan SISC. Pada masa yang sama para peserta juga telah mendengar pembentangan Kajian SISC dan Kajian *SIPartner*. Bagi pihak Jawatankuasa Penganjur dan warga IAB, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pembentang yang telah berkongsi amalan, dapatan kajian, idea dan cadangan penambahbaikan yang begitu berharga dalam usaha meningkatkan keupayaan organisasi pendidikan serta merapatkan jurang bagi sekolah yang berprestasi rendah.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang mulia,

## MATLAMAT TERCAPAI

Saya amat yakin persidangan ini telah mencapai matlamatnya, yakni, memantapkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pemimpin sekolah dalam menyediakan intervensi yang dapat membangunkan sekolah dengan lebih pesat lagi. Kepimpinan dan pengurusan sekolah dan semua pemimpin pendidikan kini hanya perlu mengambil peluang

untuk membuat refleksi dan menggunakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan untuk membuat penambahbaikan terhadap organisasi masing-masing.

## **PERLU TRANSFORMASI**

Berlandaskan hakikat perlu meningkatkan kecemerlangan dan merapatkan jurang pencapaian antara sekolah ini maka usaha meningkatkan standard sekolah-sekolah berprestasi rendah di seluruh negara terutamanya sekolah yang terletak di luar bandar dan kawasan pedalaman sudah menjadi satu keperluan dan kemestian. Sehubungan itu, warga pendidik disarankan supaya menyedari bahawa selepas lebih setengah abad Malaysia mencapai kemerdekaan, sudah sampai masanya pendidikan ditransformasi supaya semua anak-anak kita mendapat peluang kepada akses pendidikan yang berkualiti.

Dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang mulia,

## **TERIMA KASIH**

Dalam kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Dr Haji Khair bin Mohamad Yusof kerana sudi bersama-sama kita pada pagi yang indah ini. Tidak lupa juga terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan seminar ini khususnya Jawatankuasa Pelaksana Persidangan, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga pihak media massa.

Yang Berbahagia Datuk, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## PENUTUP BICARA

Sebagai pengakhir bicara, IAB berharap segala perkongsian daripada pembentangan kertas dalam persidangan ini diharapkan dapat mencetus idea dan memotivasi para peserta untuk mentransformasi organisasi masing-masing ke arah pencapaian yang lebih cemerlang. Diharapkan persidangan ini akan menjadi satu program wacana yang berkala dalam usaha Kementerian Pendidikan memastikan tiada lagi sekolah yang berprestasi rendah menjelang tahun 2015.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# PERASMIAN PENUTUPAN SEMINAR PENGURUSAN KOMUNITI MEMBANTU PROGRAM LINUS 2013

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

30 Mei 2013

Dewan Aminuddin Baki,

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Jitra, Kedah

**B**ismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur (IAB Utara) atas kesudian menjemput saya untuk menutup seminar yang julung-julung kali diadakan pada tahun ini. Saya amat menyanjungi komitmen yang telah ditunjukkan oleh seluruh warga Institut Aminuddin Baki (IAB) Utara khususnya barisan ahli jawatan kuasa seminar yang telah berusaha dengan gigih demi menjayakan seminar kali ini. Sesungguhnya, usaha murni sebegini akan diganjari oleh Allah SWT juga hendakNya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Seminar yang telah dilaksanakan selama empat hari ini diyakini mampu mencetuskan pemikiran serta idea bernalas dalam usaha kita menghadapi cabaran kebolehjayaan Program Saringan Literasi dan Numerasi (*Literacy and Numeracy Screening*) yang akronimnya LINUS dan telah dimulai sejak tahun 2009 yang lalu. Dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) pendidikan, kerajaan sentiasa memberikan tumpuan kepada empat sub-NKRA untuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti. Antaranya ialah setiap kanak-kanak dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi (LINUS) selepas mengikuti tiga tahun pendidikan rendah. Pada akhir tahun 2010 yang lalu, hasil dari tinjauan yang dijalankan, sebanyak 90% kanak-kanak telah pun disahkan menguasai LINUS.

Pencapaian yang membanggakan ini dikesan berlaku dengan adanya penglibatan aktif daripada semua pihak terutama daripada penglibatan komuniti khususnya Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Saya mengucapkan syabas kepada semua pihak yang turut terlibat bagi memastikan berlakunya lonjakan saujana dengan kemunculan pencapaian cemerlang anak didik kita di sekolah rendah yang dikatakan ketinggalan dari aspek penguasaan kemahiran asas.

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

Izinkan saya mengimbas kembali berkaitan definisi LINUS yang disepakati di peringkat Kementerian Pendidikan (definisi BPK) untuk sama-sama kita hayati. LINUS merupakan satu program pemulihan yang direkabentuk untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi (Bahasa Malaysia) dan numerasi di akhir tiga tahun persekolahan pada peringkat rendah. LINUS diharapkan dapat membantu murid yang mempunyai masalah dalam 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Literasi asas merujuk kepada keupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah (menggunakan kata hubung) dalam bahasa Malaysia dan mengaplikasi pengetahuan dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Manakala numerasi asas pula merujuk kepada keupayaan menyelesai operasi asas matematik, serta memahami idea matematik yang mudah dan berupaya mengaplikasi pengetahuan serta kemahiran matematik dalam kehidupan seharian.

Terdapat enam strategi program LINUS untuk mencapai sasaran 90% pada tahun 2010 yang lalu, iaitu:

1. Saringan murid (Tahun 1, 2 dan 3)
2. Pembangunan bahan
3. Pengukuhan kemahiran pedagogi guru
4. Program kesedaran sekolah dan komuniti
5. Pemantauan, penyeliaan dan penilaian
6. Pembentukan fasilitator LINUS (fasiLINUS)

Standard LINUS di Malaysia pada tahun 2008 berdasarkan jumlah dan peratus adalah sangat membimbangkan. Seramai 54,272 (13%) murid didapati tidak menguasai literasi manakala seramai 117,024 (24%) murid pula tidak menguasai numerasi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Tema seminar kali pertama ini iaitu “Transformasi Pendidikan Bersama LINUS” dilihat sebagai sangat praktikal kerana mampu mempertingkat pencapaian pendidikan selaras dengan agenda Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang mengutamakan penglibatan komuniti serta keperihatinan pengurus sekolah. Seminar ini menjadi medan penyediaan tapak terbaik bagi mendominasi penglibatan komuniti dalam menjayakan program LINUS.

Saya difahamkan bahawa seminar ini memberikan pendedahan berkaitan amalan-amalan pengurusan berserta pengaruh dan peranan ibubapa dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) kanak-kanak. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para penceramah berwibawa yang terdiri daripada kalangan penggubal dasar, pengamal pendidikan dan pemantau program. Para peserta yang terpilih kali ini yang terdiri daripada Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Rendah dan Pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah tentunya akan beroleh maklumat serta input berkualiti lagi bermanfaat secara terus-menerus (*first hand information*) yang boleh diaplikasikan di Jabatan, Pejabat dan di Sekolah masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Seminar ini diadakan persis dengan peranan IAB sebagai pusat latihan terulung dalam melatih dan membimbing barisan hadapan pemimpin pendidikan. Guru Besar, Penolong Kanan Pentadbiran (Sekolah Rendah) dan Pegawai Pelajaran di zon utara ini telah diberi peluang bersoal jawab serta berforum untuk mendapatkan penjelasan dan perkembangan mutakhir yang berhubung dengan program LINUS. IAB berkeyakinan bahawa segala maklumat dan perkongsian menerusi seminar ini mampu memantapkan pengetahuan diri dan organisasi serta seterusnya memberi impak yang berganda kepada seluruh warga pendidik di Malaysia.

Seminar ini diharap dapat menjadi gelanggang pertukaran dan percambahan ilmu, fikiran, maklumat, pengalaman dan amalan terbaik (*best practises*) dalam kalangan warga pendidikan yang hadir. Seminar ini juga diharapkan dapat memberi pandangan baru bagi membantu mewujudkan lebih banyak ruang kerjasama antara pentadbir sekolah dengan pihak ibubapa khasnya PIBG bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan kepimpinan di tempat kerja masing-masing

terutamanya berkaitan program LINUS. Semoga program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa yang akan datang, Insya-Allah.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang bakti dalam menjayakan seminar kali ini. Peranan IAB tidaklah asing, Melahir pemimpin impian bersinar; Segera kunjungi destinasi masing-masing, Jumpa lagi di lain seminar.

Maka dengan lafaz kalimat suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya menutup dengan rasmi Seminar Pengurusan Komuniti Membantu Program LINUS Bagi Tahun 2013.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.



# MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM REFLEKSI KURSUS INDUKSI STAF BAHARU 2013

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

10-12 September 2013

De Rhu Resort,

Kuantan, Pahang Darul Makmur

**B**ismillahirrahmannirrahim Alhamdullillah hirobbil alamin, wa salaatu wa salaamu 'alaa sayidina Muhammad wa 'alaa alih wasahbihi ajmain. Assalamu'alaikum arahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

## PENDAHULUAN

Pertama kali saya mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan setinggi-tinggi kepujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia serta hidayahNya, kita dapat berhimpun pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas

kepada jawatankuasa pengelola yang telah berusaha dan komited dalam merealisasikan penganjuran program pada kali ini. Mudah-mudahan usaha murni ini akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

## **MANAFAAT KURSUS INDUKSI**

Sepanjang kursus induksi yang bermula pada 17 Jun 2013, saya pasti tuan-tuan dan puan-puan telah dapat berkongsi idea, pengetahuan serta amalan dan pengalaman dengan penceramah-penceramah jemputan dan pensyarah-pensyarah tentang kejayaan mereka mengurus, memimpin pusat dan jabatan serta bidang tugas masing-masing. Diharapkan pendedahan yang telah diberikan ini dapat meningkatkan kefahaman semua pensyarah tentang hala tuju, dalam sistem pengurusan dan pentadbiran IAB. Selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025 (PPPM) , adalah diharapkan semua warga IAB mempunyai pengetahuan serta dapat memainkan peranan penting dalam melatih dan mencorakkan barisan kepimpinan pendidikan di sekolah yang berkualiti dan berintegriti pada masa hadapan. Hasrat itu perlu diterjemahkan melalui amalan kerana setiap perubahan pada masa hadapan bermula pada hari ini.

Bagi meneruskan legasi kecemerlangan kepimpinan IAB sebagai Lanskap Premier Centre, IAB menaruh harapan yang tinggi pada setiap warganya dari semua peringkat untuk bekerja dengan cemerlang. Berusaha untuk mengubah set minda yang lama tidak kira dari mana tuan-tuan dan puan-puan berada sebelum ini.

Walau apa juu halangan dan cabaran yang akan kita hadapi, anggaplah ia sebagai cabaran kepada kebijaksanaan seseorang pensyarah yang kreatif, inovatif dan komited terhadap tugas-tugas yang digalas. Oleh itu, bertindaklah dengan cekap dan efektif seperti yang diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Di samping itu, ruang dan peluang

yang ada ini diharap dapat digunakan untuk membangun potensi pengurusan dan kepimpinan dalam kalangan pemimpin sekolah yang merupakan klien utama kita di IAB.

Saya berharap pensyarah-pensyarah baharu ini berupaya menjadi sumber rujukan, menjadi pembimbing dan sentiasa bersedia untuk melontarkan idea-idea baharu ke arah peningkatan kecemerlangan organisasi mengikut arus pendidikan negara. Begitu juga kepada staf baharu IAB semoga dapat memainkan peranan yang lebih efisyen dalam mengendalikan hal ehwal jabatan masing-masing.

IAB terlibat secara langsung dalam anjakan kelima PPPM iaitu memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Bagi memenuhi aspirasi pendidikan tersebut, adalah menjadi tanggungjawab warga IAB untuk bergerak lebih pantas meningkatkan ilmu pengetahuan melalui penyelidikan dan pelan tindakan yang lebih mantap. Kaedah pengajaran tuan-tuan dan puan-puan perlu dimantapkan memandangkan klien utama IAB meliputi pemimpin sekolah, mahupun pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia yang berpengalaman dan lebih matang.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan berharap agar dapat bekerjasama dengan semua pihak demi kecemerlangan organisasi kita. Dengan lafaz suci, Bismillahirrohmanirrohim, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Program Refleksi Kursus Induksi Staf Baharu 2013.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warramatullahi wabarakatuh.





## **UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN KOLOKIUM KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-9 TAHUN 2013**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

6-9 Mei 2013

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Jitra, Kedah

**A**ssalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Tuan-tuan, puan-puan, saudara dan saudari warga pendidik dan pemimpin pendidikan, peserta-peserta Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hingga ke hari terakhir kolokium ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga kerja IAB Utara, khasnya ahli-ahli jawatankuasa di bawah pimpinan Pengarahanya, Encik Mohd. Zanal bin Dirin atas kejayaan menganjurkan kolokium ini yang bertemakan “Kepimpinan Instruksional Pemacu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025”.

Sesungguhnya segala perancangan dan tindakan untuk menjayakan program seumpama ini tidak akan berhasil tanpa komitmen padu daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya percaya bahawa usaha dan komitmen tanpa berbelah bahagi daripada setiap seorang daripada tuan-tuan dan puan-puan adalah kunci utama kejayaan kolokium ini dari setahun ke setahun. Saya juga berharap agar kerjasama dan komitmen seperti ini akan terus menjadi budaya kerja yang menggerakkan pembangunan organisasi kita khasnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia amnya.

Sekalung tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pembentang kertas kerja atas kejayaan mengupas dan memberi pandangan dalam pelbagai isu pendidikan yang sesungguhnya amat relevan kepada kita semua sebagai warga pendidik. Kemajuan dan pencapaian yang telah dibentangkan dalam kolokium ini harus dijadikan contoh dan bukti bahawa penambahbaikan di sekolah-sekolah kita boleh direalisasikan melalui kepimpinan instruksional yang disepadukan dengan daya usaha, komitmen, kreativiti dan pemikiran di luar kotak (thinking out of the box) semua pihak yang terlibat. Sememangnya, beribu-ribu kajian ilmiah juga telah membuktikan bahawa sekolah-sekolah berkesan adalah diterajui oleh kepimpinan yang mengutamakan pengajaran. Sesungguhnya sumbangan tuan-tuan dan puan-puan amat dihargai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin sekalian,

Kolokium seperti ini adalah bertujuan untuk membawa transformasi dalam sistem pendidikan melalui perubahan paradigma pemikiran dan cara bekerja pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru dan warga sekolah amnya. Malah, pertemuan seperti ini diharap akan dapat menjadi platform untuk bertukar-tukar pandangan dan fikiran demi mempertingkat martabat profesi keguruan serta memperkuuh sistem pendidikan negara kita. Oleh itu saya berharap agar kolokium kali ini akan dapat dijadikan wadah untuk menilai semula pencapaian dan hala tuju kita seterusnya, terutamanya dalam menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah bermula pelaksanaannya pada tahun ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sejak lima dekad lalu, banyak usaha telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan. Pencapaian negara sememangnya membanggakan jika dilihat daripada peratusan peningkatan dan kadar penyertaan dalam pendidikan, pertambahan bilangan sekolah dan guru, serta bilangan guru siswazah di sekolah rendah dan menengah. Malah, sejak akhir-akhir ini, inisiatif yang lebih berfokus telah diberikan untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita. Ini merangkumi aspek guru, naik taraf prasarana dan kemudahan, tadbir urus dan soal kepimpinan sekolah yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang seimbang dan holistik.

Perancangan sistematis dan berterusan ini telah diterjemahkan melalui penghasilan Blueprint Pelan Pembangunan Pendidikan 2000-2010, diikuti dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Di samping itu, melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diperkenalkan dengan memberi fokus kepada memperluas akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Ia merupakan suatu usaha transformasi pendidikan yang menyeluruh, komprehensif, telus dan demokratik dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak tanpa mengira kedudukan sosio ekonomi, latar belakang pendidikan, pandangan politik, serta kajian-kajian dari institusi penyelidikan dan pakar-pakar tempatan serta antarabangsa.

Bagi mencapai aspirasi negara ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi serta melangkaui aspirasi Wawasan 2020, profesionalisme pengetua dan guru besar sebagai barisan kepimpinan sekolah, harus

diberi perhatian dan dicerna secara bijaksana, kreatif, inovatif dan berhikmah. Sebagai menghadapi cabaran masa hadapan ini, tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemimpin sekolah perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, melaksanakan urus tadbir terbaik, peka dan cakna tentang perkembangan semasa di dalam negara dan antarabangsa serta mengamalkan kepimpinan yang cemerlang. Dalam masa yang sama, tuan-tuan dan puan-puan harus ingat, bahawa walau apa pun yang hendak dilakukan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan wajar dijadikan asas utama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ingin saya tekankan sekali lagi bahawa kualiti pendidikan di sekolah adalah bergantung kepada kebolehan dan kecekapan pemimpin sekolah dan guru-guru kita. Oleh sebab itu, penekanan kepada aspek kepimpinan instruksional adalah tepat dan wajar dimanfaatkan oleh setiap peserta yang menghadiri kolokium ini.

Saya juga berharap supaya tuan-tuan dan puan-puan berazam untuk pulang dan mengguna pakai segala ilmu dan pengetahuan yang diperoleh agar penyertaan tuan-tuan dan puan-puan serta penat lelah kita bersama dalam menjayakan kolokium ini tidak sia-sia. Semoga usaha tuan-tuan dan puan-puan dalam membangunkan sekolah masing-masing mendapat keberkatan dunia dan akhirat. Adalah menjadi harapan IAB dan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya agar semua pengurus dan pemimpin pendidikan di peringkat sekolah sentiasa komited terhadap pembangunan sekolah masing-masing.

Akhir kata, sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada pengajur Kolokium Kepimpinan Instruksional tahun 2013 ini kerana menyediakan wadah bagi warga pendidik dan pihak berkepentingan untuk berbincang serta meneroka jalan yang bertujuan memupuk kecemerlangan pendidikan di setiap peringkat.

Sebagai penutup, saya ingin memetik kata-kata daripada Kouzes dan Posner, dalam buku mereka yang berjudul The Leadership Challenge (2012), *“Leaders get people moving. They energize and mobilize. They take people and organizations to places they have never been before”*.

Dengan lafaz Bismillahhir rahmanirrahim, saya dengan ini menutup dengan rasminya Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-9 dengan tema “Kepimpinan Instruksional Pemacu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025” bagi tahun 2013.

Sekian.

Wabillahi al-taufik wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh



## CLOSING SPEECH

### 3<sup>rd</sup> REGIONAL CONFERENCE ON EDUCATIONAL LEADERSHIP AND MANAGEMENT

By

**Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang**

Director Of IAB

10-21 November 2013

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

**B**ismillahirahmanirahim. Excellencies and distinguished guests, Ladies and Gentlemen, Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh and a very good morning. I am honoured and pleased to be here at the conference and hopefully not too late to extend a warm welcome to all the participants especially to the international delegates to the Third Regional Conference on Educational Leadership and Management 2013. It is a great honour for Malaysia to host this conference and we believe that such event would provide opportunities for educational leaders and academicians to exchange ideas, share experiences, forging friendships, and commencing collaboration all with a mind to extending scholarship and widening the horizons of knowledge.

Distinguished guests,

It is indeed gratifying to note that this conference had successfully brought together participants and paper presenters from every corner of the region. It is equally heartening to note that many of the papers presented are germane to the theme of the conference – Educational Leadership and Management: Exploring New Possibilities. Indeed the rapid advancement in leadership and management theories opens up new frontiers of leadership and management knowledge that need to be fully understood and internalized by leaders in order to become more competitive in producing holistic students. The conference delved into the deeper academic questions that RCELAM seeks to address the needs for paving new directions in educational leadership to meet challenges in preparing future generation to become genuine global citizen. The collective wisdom of professionals and experts from such diverse background gathered in this conference no doubt contributed to the quality of deliberations and outcomes of the RCELAM 2013. As such, I sincerely hope that all participants and presenters had enriched, and be enriched by, the proceedings over the past few days.

Ladies and gentlemen,

Both leadership and management are necessary and complementary for excellence in the school environment. Both involve deciding what needs to be done, developing the capacity to do it, and ensuring that it is done. Comparatively, management is concerned with order and consistency, leadership is concerned with change. This matched with what Bennis and Nanus (1985) once said, ‘Management is doing things right; leadership is doing the right things’. Thus, it is not surprising for Kotter (1999) to summarize management as ‘coping with complexity’ and leadership as ‘coping with change’. In short, management is about providing stability and smooth running of organization while leadership promotes growth and innovation.

However, no matter management or leadership, most definitions about managers and leaders are often discussed in term of competency. And in fact, although there are different approaches to pave new directions in educational leadership to meet challenges in preparing future generation, basically many of the papers presented in this conference discussed about management or leadership competency.

Ladies and gentlemen,

Competencies are the knowledge, skills, abilities, and attributes that managers and leaders need to possess and demonstrate in order to perform their roles and jobs competently. Importantly, viewing management and leadership in terms of competency implied that both can be taught and learned (Intagliata, Ulrich, & Smallwood, 2000). Simply put, by gaining new knowledge, skills and ability many people can become better managers and leaders. In fact, competencies are increasingly important for planning training, assessment, accreditation and execution of professions. Statements of management and leadership competencies are used as the basis for strengthening an organization's management and leadership team and determining the types of educational and leadership development opportunities that are needed for future leaders (Ulrich, Zenger & Smallwood, 2000).

On the other hand, in light of globalization, fueled by the stunning rate of change in the world, today, educational reform has become a top priority for many countries. In relation to this, there is widespread belief that schools require competent leaders if they are to provide the best possible education for students (Bush, 2007). There is also increasing awareness that effective change does not occur in educational organizations unless the school principals initiate the change process competently (Clarke, 2000; Hallinger & Leithwood, 1996; Lakomski, 2001; Oplatka, 2003). Clearly, there is a dire need for effective leadership in school systems as school change can only

occur when guided by sound leadership and management (Fullan, 2001; Hallinger, 2004; Harris, 2004; Leithwood, Seashore, Anderson, Wahlstrom, 2004).

Nevertheless, the task of leading and executing change effectively requires a multi-dimensional set of competencies. Successful leaders and managers are those ensure that competencies are put in place to involve and transform organizational individuals through the different stages of change (Tizard, 2001). As instructional leaders, school principals are responsible for change strategy, implementation, and monitoring in any change and thus, they need to possess specific change leadership competency (Hyland, 2007). Most importantly, in paving new directions for educational leadership to meet future challenges and particularly, for schools to succeed in today's competitive and complex environment, school leaders at all levels need to develop and demonstrate specific competencies that drive superior performance at work. As such, school leaders are competent to build the 'human capital' of their organisations. For examples, to identify the training and development needs of the organization accurately, enabling gap analysis between the capability of their subordinates and the requirements of current and also future roles. I truly believe that this dynamism has been captured through the discussion and sharing of ideas during this conference.

Ladies and gentlemen,

Schools must be restructured and re-cultured into high performance teams in order for effective teaching and learning to take place. It will be a challenge to the leaders to establish these teams and at the same time integrate various dimensions of effective learning environment to produce skilful and competent future human capital. Efficient and effective leaders and managers always invest their energy to the growth and enrichment of their people. And all these depend on how competent the leaders are in modelling enthusiasm and strive to increase efficiencies. Hence, if

leadership and management are examined from a behavioral construct based on competencies, and focused on the most critical competencies that can be learned, there is little doubt that processes of leadership and management development can be fine-tuned for greater efficiency to educational change. Hopefully, this is one of the important research-based contributions of RCELAM 2013.

Lastly, I would like to thank all of you for participating in this conference. I wish you all safe journey as you head back to your home and your respective countries and hope to see some of you in this same conference in the future. Last but not least, I would like to express my heartfelt thanks to the members of the organizing committee for their unstinting hard work, and congratulate them on a job well done.

Thank you.



# MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT IAB 2013

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

13 Disember 2013

Auditorium Dato' Razali Ismail,

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

## PENGENALAN

**S**yukur ke Hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada hari ini untuk memeriahkan dan menjayakan Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat IAB.

*Dari Benta ke Kota Gelanggi,  
Singgah di Jengka membeli toman;  
Bahasa kita martabatnya tinggi,  
Lingua franca zaman-berzaman.*

*Tingkap papan kayu bersegi  
Sampan sakat di Pulau Angsa  
Indah tampan kerana budi  
Tinggi bangsa kerana bahasa.*

## **UCAPAN TAHNIAH**

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada warga kerja Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan atas kejayaan menganjurkan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat IAB 2013 dalam usaha memartabatkan bahasa Kebangsaan. Mudah-mudahan usaha yang baik ini akan berterusan pada masa-masa akan datang sebagai wadah perjuangan memartabatkan bahasa Melayu yang sewajarnya menjadi kebanggaan dalam mempamer jati diri bangsa dan negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

## **KEPENTINGAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN**

Bulan Bahasa Kebangsaan yang kita raikan saban tahun bukan sekadar acara tahunan. Malah sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan adalah sebahagian daripada rantaian perjuangan yang panjang dalam memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara kita. Oleh itu, tema Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini, iaitu “1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara’ sangat bertepatan dengan usaha untuk memperkasa bahasa kebangsaan dan memperkaya budaya bangsa. Usaha ini adalah selaras dengan objektif pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan, iaitu mempersegar semangat kecintaan masyarakat terhadap bahasa Kebangsaan dan memperkuuh keyakinan terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, bahasa pengungkapan budaya tinggi, bahasa komunikasi sosial dan perpaduan.

## AKTIVITI BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Dalam usaha untuk menyemarakkan lagi usaha memartabatkan bahasa kebangsaan, jangka masa sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan telah dilanjutkan dari satu bulan menjadi tiga bulan, iaitu bermula dari bulan Oktober hingga Disember. Sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat IAB, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bermula dengan pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan pada 13 November yang lalu dan pertandingan lain seperti pertandingan kuiz bahasa atas talian, pertandingan menulis sajak dan pantun, ungkapan bahasa dan diakhiri dengan bicara bahasa oleh Dato' Aripin Said, Tokoh Budayawan Pahang pada hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada warga IAB yang telah berjaya dalam pelbagai pertandingan yang dianjurkan. Bagi yang belum berjaya, cuba lagi pada tahun hadapan.

Sungguhpun begitu, tempoh tiga bulan adalah tidak mencukupi bagi memastikan penglibatan semua pihak dalam aktiviti bahasa secara meluas. Kegiatan yang dijalankan di IAB adalah selaras dengan pelbagai aktiviti Bulan Bahasa Kebangsaan yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan bahagian. Di peringkat kebangsaan, pelbagai aktiviti berkaitan kebahasaan dan persuratan Melayu diadakan di seluruh negara yang melibatkan sektor seperti pendidikan, perundang, perniagaan, dan perbankan. Dengan bertunjangkan pemerkasaan bahasa kebangsaan melalui sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, penggunaan dan kepentingan bahasa kebangsaan dalam mencorakkan bentuk dan wajah negara, bangsa dan bahasa melalui pelbagai aktiviti kebahasaan dengan pendekatan “merakyatkan bahasa dan sastera” dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat daripada pelbagai kaum digerakkan di seluruh negara.

## KEPENTINGAN BAHASA KEBANGSAAN

Dalam era globalisasi abad ke-21, tidak dapat kita nafikan bahawa kemahiran berbahasa Inggeris adalah sangat penting. Namun bahasa

Melayu perlulah diletakkan pada kedudukannya selaras dengan Perkara 152, Perlembagaan negara serta sebagai satu jati diri bangsa Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak wajar dipinggirkan kerana bahasa kebangsaan sesbuah negara menggambarkan identiti negara yang harus didaulatkan dan diperkasakan. Sebagai alat komunikasi, penggunaan bahasa Melayu umum atau lingua franca perlu diberi penekanan supaya bahasa ini benar-benar dapat menjadi tali pengikat semua rakyat berbilang kaum. Tambahan pula bahasa juga merupakan sarana dalam membina tamadun sesuatu bangsa dan negara.

Lantaran itu, dasar Memartabat Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) perlu disokong sepenuhnya kerana bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1Malaysia. Pada masa yang sama, ia selaras dengan usaha kebanyakan negara di dunia, seperti Jepun dan Perancis untuk memartabatkan bahasa kebangsaan mereka sebagai bahasa ilmu.

## **MEMPERKASA BAHASA KEBANGSAAN**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan penggunaan bahasa yang betul dalam kalangan warga IAB khususnya dalam urusan surat menyurat. Masih banyak yang perlu dipertingkatkan kerana sebagaimana yang kita tahu, satu sesi audit bahasa telah dilaksanakan di IAB pada bulan Julai yang lalu. Pengauditan itu bertujuan memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul dalam semua sektor. Sebagai pusat latihan, warga IAB perlu memperkasa dasar kerajaan terutamanya perkara yang berkaitan dengan penggunaan bahasa kebangsaan.

Kita sendiri mesti membetulkan kelakuan, sikap, tanggapan dan semangat kita terhadap bahasa Melayu. Jika tidak, siapakah lagi yang akan bertanggungjawab memperjuangkan dan mendaulatkan bahasa

Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan? Sikap tolak ansur dalam melaksanakan dasar bahasa harus diketepikan, sebaliknya diketengahkan sikap memperjuangkan jati diri terhadap bahasa kebangsaan. Dengan adanya semangat cinta akan bahasa dan bangsa sendiri, maka tiada lagi alasan sesetengah pihak untuk mengubah suai dasar bahasa berteraskan tuntutan nasionalisme, desakan gelombang pasaran bebas dan kemajuan teknologi maklumat dapat dibendung. Ini amat diperlukan bagi mengukuhkan jati diri kita terhadap bahasa kebangsaan.

Kemandirian sesuatu bahasa banyak bergantung kepada penuturnya. Sekiranya penutur atau penggunanya alpa untuk memartabat dan menggunakan bahasa serta memelihara ketulenannya, maka akan rosaklah bahasa malahan boleh mengakibatkan bahasa tersebut menjadi pupus seperti yang berlaku kepada bahasa-bahasa di wilayah Alaska dan Australia barat.

## SEMARAK BAHASA

Usaha memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan ini akan berkembang sekiranya program-program kebahasaan dan kesusasteraan yang dilaksanakan menggambarkan latar pelbagai kaum di negara ini sejajar dengan komponen rakyat Malaysia yang berbilang kaum, etnik, berbilang kepercayaan, agama dan budaya. Melalui usaha ini diharapkan semua golongan rakyat akan dapat menghayati dan merasa bertanggungjawab dalam mencintai dan memelihara bahasa Melayu. Semarak bahasa ini bukanlah terhad sepanjang tempoh tiga bulan ini sahaja, malah sebagai warga IAB, tuan-tuan dan puan-puan perlu menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantara dan memberi input yang betul kepada pelanggan kita, iaitu para pengetua dan guru besar bermotokan ‘membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa’.

Hadirin yang dihormati,

## TOKOH BAHASA

Terima kasih juga diucapkan kepada Dato' Aripin Said, tokoh Bicara Bahasa kita pada kali ini kerana telah sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita dalam majlis penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat IAB, 2013. Semoga melalui bicara Dato' Aripin tadi, semangat cintakan bahasa Melayu dan perjuangan memperkasakannya diharap akan meresap ke seluruh jiwa kita warga IAB.

## HARAPAN

Masa depan dan kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bergantung kepada sikap bangga dan komitmen kita untuk memperjuangkannya. Penggunaan bahasa Melayu dalam konteks perkongsian ilmu adalah penting selaras dengan hasrat kita untuk menjadi dan mengekalkannya sebagai bahasa ilmu yang setanding dengan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain. Ia penting agar penggunaan bahasa Melayu tidak hanya dimonopoli oleh mereka yang berada dalam bidang bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu sahaja, tetapi turut meliputi bidang-bidang lain. Ini pastinya akan memberikan perubahan dan impak yang besar terhadap kedudukan bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa ilmu yang berwibawa.

## PENUTUP

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Bahasa dan Komunikasi selaku Jawatankuasa Pelaksana Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 peringkat IAB dan semua warga IAB atas komitmen yang tinggi bagi menjayakan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 peringkat IAB. Semoga usaha memartabatkan bahasa Kebangsaan ini

tidak akan terhenti di sini, malah Bulan Bahasa Kebangsaan akan menjadi landasan untuk bahasa kebangsaan terus bersemarak dan dihayati sepanjang masa. Denganlah pesanan keramat ini;

*Untuk sekian kalinya  
berpesanlah para pendeta bahasa  
berserulah para pencinta Bahasa Kebangsaan kita  
jangan ada lagi yang enggan menerima hakikat kemodenannya  
jangan ada lagi yang berasa rendah diri akan keintelektualannya  
jangan ada lagi yang mempertikaikan kedinamikannya  
jangan ada lagi yang melecehkan kenasionalannya  
jangan ada lagi yang berdalih untuk tidak memperkasakan  
kerana,  
**Bahasa Kebangsaan kita keperibadian bangsa kita.***

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat IAB bagi tahun 2013. Sekian. Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.





**UCAPTAMA**





## UCAPTAMA SEMINAR NASIONAL 2013

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

1-4 Julai 2013

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

Alhamdullillahhirobbilalamin, Wa salaatu wa salaamu 'ala sayidina muhammad wa 'ala alihi wasahbihi ajmain. assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan salam 1 Malaysia.

### MUKADIMAH

**S**egala puji bagi Allah S.W.T. yang dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul dalam Majlis Perasmian Seminar Nasional Kali Ke-20 Tahun 2013 dengan tema "**HARI INI ADALAH MASA DEPAN: KEPIMPINAN DINAMIK MENGURUS CABARAN**" dalam keadaan aman dan sejahtera. Semoga segala usaha kita mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya juga.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ke Majlis Perasmian Seminar Nasional Kali ke 20 ini. Kehadiran Yang Amat

Berhormat Tan Sri begitu dinanti-nantikan oleh seluruh warga IAB dan para peserta seminar pada kali ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

## **UCAPAN TAHNIAH**

Pada kesempatan ini juga saya mengambil peluang untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin atas pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Ucapan tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh yang telah dilantik sebagai Menteri Pendidikan II walaupun Yang Berhormat Dato' Seri tidak dapat bersama-sama dengan kita pada hari ini. Tahniah juga diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching yang telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan I dan Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan sebagai Timbalan Menteri Pelajaran II. Pelantikan ini memberikan gandingan mantap yang mampu menjadikan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Kementerian yang disegani. Pada hari ini tercatat satu sejarah buat IAB apabila majlis perasmian seminar ini dihadiri oleh para pemimpin tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi menzahirkan kesyukuran dan penghargaan atas kesudian Yang Amat Berhormat Tan Sri dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri serta Pegawai-pegawai Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia hadir dalam majlis ini, marilah kita bersama-sama memberi tepukan yang gemuruh.

## **SEJARAH SEMINAR NASIONAL**

Mengimbau sejarah awal penganjuran Seminar Nasional yang dianjurkan oleh IAB, seminar julung-julung kalinya telah diadakan pada 1- 3 Ogos 1991 yang bertemakan “SUMBANGAN PENYELIDIKAN PENDIDIKAN”. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia pada waktu itu, Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud. Pengarah IAB ketika itu ialah Yang Berbahagia Dr. Hussein bin Haji Ahmad. Bermula dari sejarah awal penganjuran inilah, Seminar Nasional

kini menjadi acara tahunan utama IAB untuk warga pendidikan di semua peringkat di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selaras dengan hasrat untuk menjadikan IAB terkenal dalam bidang latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan bukan sahaja di dalam negara dan di rantau ini malah di peringkat global, maka seminar kali ini telah menjemput tiga orang tokoh tersohor untuk menyampaikan ucapan utama iaitu Yang Berbahagia Dr. Chandra Muzaffar, Pengarah JUST International, Yang Berbahagia Profesor Dr. Alma Harrip, Pengarah Institut Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Malaya dan Profesor Lee Sing Kong Pengarah *National Institute of Education, Nanyang Technology University, Singapore*. Selain itu, pihak IAB juga turut menjemput dua orang pembentang khas iaitu Yang Berbahagia Michelle Jones, Timbalan Pengarah Institut Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Malaya dan Yang Berbahagia Profesor David Reynolds dari *University of Southampton, United Kingdom*.

Segala cetusan idea daripada tokoh-tokoh tersohor ini boleh dijadikan pencetus kepada pemikiran aras tinggi yang mampu membantu pemimpin pendidikan di sekolah dalam mengurus organisasi dengan lebih berkesan. Tuan-tuan dan puan-puan juga diharap dapat menyebarluaskan segala ilmu yang diperoleh semasa berseminar dengan rakan-rakan sejawat yang tidak berpeluang menghadiri seminar ini. Jika ini dapat dilakukan, maka budaya perkongsian ilmu dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan Malaysia dapat ditingkatkan. Segala ilmu yang dikongsi dalam seminar ini juga mampu menimbulkan cetusan inovasi dalam dunia pendidikan sesuai dengan aspirasi pendidikan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

## MATLAMAT PENGANJURAN SEMINAR NASIONAL

Penganjuran Seminar Nasional bertujuan untuk mewujudkan titik pertemuan buat warga pendidik di Kementerian Pendidikan Malaysia agar dapat dijadikan wadah pencetus minda intelektual yang berupaya

menyelesaikan isu-isu pendidikan semasa serta melakarkan inovasi pendidikan selaras dengan perkembangan masa depan generasi baharu Malaysia. Segala dapatan kajian dan penyelidikan yang dibentangkan dalam seminar ini diharapkan akan dapat dijadikan input di peringkat kementerian bagi melonjakkan transformasi pendidikan alaf baharu. Justeru itu, pendokumentasian penyelidikan terkini amat penting bagi menjamin semua pihak dapat berkongsi ilmu demi menggalas tanggungjawab sebagai pemangkin perubahan pendidikan nasional yang bertaraf dunia.

Sabtu tahun tema Seminar Nasional digarap berdasarkan cetusan isu-isu semasa berkaitan dunia pendidikan dan kepimpinan pendidikan yang wujud pada waktu itu. Ini bermakna dalam jangka masa dua puluh tahun penganjuran Seminar Nasional, pelbagai tema telah dititip dan telahpun dikupas oleh ahli-ahli panel yang dijemput menerusi kertas-kertas kerja yang dibentangkan. Hasil pembentangan kertas kerja dalam seminar yang terdahulu jika dilihat kembali adalah sarat dengan pelbagai kajian pendidikan yang masih bermakna untuk diamalkan dan sebahagiannya telah menjadi amalan pendidikan sehingga kini. Justeru itu, galakan kepada pihak luar Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada dari dalam atau luar negara untuk sama-sama berkongsi ilmu dalam seminar ini amat kami alu-alukan supaya proses transformasi minda dan perkongsian idea dapat direalisasikan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

## **IMPAK PENGANJURAN SEMINAR NASIONAL**

Dalam tempoh 20 kali Seminar Nasional telah dianjurkan, pastinya banyak perubahan dan pendekatan strategi yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak IAB terutama dalam mempertingkat kompetensi dan latihan kepada para pemimpin pengurusan sekolah agar selaras dengan perkembangan semasa dan berupaya menangani cabaran globalisasi dunia pendidikan yang berimpak tinggi.

IAB sentiasa bersedia menerima cabaran baharu dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mempastikan peranan IAB bukan hanya

berkisar kepada memberi input tentang pengurusan kepimpinan pendidikan semata-mata, bahkan berupaya mengolah dimensi baharu kepada dunia pendidikan bertaraf dunia. Justeru itu, peranan IAB sudahpun menjangkau kepada dunia luar bagi mewujudkan kolaborasi sistem pendidikan kebangsaan dan pendidikan antarabangsa yang dapat dimanfaatkan khususnya kepada pemimpin sekolah dan amnya kepada warga pendidikan di Malaysia.

IAB bukan sahaja menjemput dan menerima pelawat dari dalam dan luar negara dalam memperluas informasi pengurusan latihan kepimpinan pendidikan, bahkan sering kali menerima jemputan luar negara dalam konteks mewujudkan jaringan kerjasama untuk mempertingkat peranan IAB sebagai pusat kecemerlangan latihan kepimpinan pengurusan pendidikan yang bertaraf global.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Seminar Nasional adalah *platform* tuan-tuan dan puan-puan untuk membahaskan sesuatu usul bagi mencari suatu titik penyelesaian tentang isu-isu pendidikan. Hasil pembentangan dan resolusi yang diperoleh daripada berseminar ini juga akan memberikan idea kepada IAB untuk mencari pendekatan baharu yang berimpak tinggi kepada warga pendidikan sesuai dengan peranan dan dasar IAB bagi menghasilkan produk terbaik kepada para pelanggan. Antara perubahan konsep latihan dan pembangunan yang dilakukan oleh IAB termasuklah:

- *Decentralised training and development*
- Pemantapan latihan dan pembangunan melalui Pendekatan Pembangunan Organisasi Sekolah
- Penambahbaikan kepada kursus Pembangunan Diri (*Individual Development [ID]*) melalui pendekatan pelbagai kaedah penyampaian (*blended learning*)
- Transformasi pelengkap dengan Asas Kompetensi Latihan dan pembangunan (*Competency Based Training and Development*) kepada Profil Kepimpinan Paradigma Kemanusiaan (*Human Paradigm Leadership Profile*); dan
- Peningkatan program-program kolaborasi kepimpinan pendidikan di peringkat antarabangsa.

Sejajar dengan perkembangan dan fungsinya, IAB telahpun melebarkan peng-operasiannya iaitu;

- Membuka cawangan di zon.
- Meningkatkan kemudahan peralatan ICT bagi tujuan memperkasa e-pembelajaran (e-learning) dan '*blended learning*'
- Badan pentaulahan program Kejurulatihan Utama (*Master Trainer*) di bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.
- Mengiktiraf sijil NPQEL sebagai sijil profesional untuk lantikan Pengetua dan Guru Besar pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

IAB sentiasa peka dan mengambil kira sebarang pandangan dan usul berkaitan pendidikan yang dicadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui IAB. Siri penganjuran Seminar Nasional yang lalu, memungkinkan pihak IAB mengambil langkah-langkah pembaharuan atau membuat penambahbaikan terhadap mana-mana perkara yang bersesuaian dengan dasar dan polisi IAB sebagai pusat latihan kepimpinan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini bermakna cetusan idea dan suara tuan-tuan dan puan-puan akan dipanjangkan kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia supaya hasrat pihak yang inginkan perubahan dalam pendidikan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan di sekolah.

Justeru, beberapa program pengurusan kepimpinan pendidikan telah dilaksanakan kepada pemimpin-pemimpin sekolah dengan kerjasama PPD/JPN dan langkah-langkah penambahbaikan sering dilakukan demi mencapai kepuasan dan keberkesanan penyampaian pendidikan daripada pihak atasan sehingga kepada pihak pelaksana di peringkat sekolah seperti:

- Program Pembangunan Organisasi (*Programme Organisational Development [ProD]* );
- *Blue Ocean Strategy (BOS)*;
- Program Pembangunan Sekolah (*SISC*);
- *School Improvement Partner (SIPartner)*;
- Program Pembangunan dan Prestasi Sekolah (*SpeeD-up*);

- Sekolah Berprestasi Tinggi (*SBT*);
- *Outcome Based Learning (OBL)*;
- *Problem Based Learning (PBL)*;
- Kursus-kursus jangka panjang seperti KKPP dan NPQEL; dan
- Kursus-kursus jangka pendek (*CPD*).

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **HARAPAN PENGANJURAN SEMINAR NASIONAL**

Harapan saya agar para hadirin akan menggunakan platform ini sebaik mungkin untuk bertemu dengan pensyarah-pensyarah IAB yang bersedia untuk memberikan khidmat nasihat kepada tuan-tuan dan puan-puan. Apa yang penting, IAB merupakan jambatan penghubung antara para peserta seminar, pembentang kertas kerja dan pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam hal pengurusan kepimpinan pendidikan di sekolah. Saya percaya bahawa Seminar Nasional seperti ini akan menjadi platform bagi Institut Aminuddin Baki dalam usaha mengangkat IAB sebagai sebuah institusi yang disegani bukan sahaja di peringkat negaral malah di peringkat antarabangsa. Begitulah juga dengan komitmen yang telah dicurahkan oleh semua warga IAB selama ini yang telah bertungkus lumus menghasilkan produk yang berkualiti, relevan dan memenuhi keperluan pelanggan serta stakeholders. Semoga ikatan kerjasama erat yang baik dan tulus ini akan terus berkekalan demi mencapai aspirasi visi dan misi IAB.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **PENUTUP**

Akhir kata, saya mewakili seluruh warga IAB mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan majlis pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pembentang kertas kerja dan para peserta seminar. Tahniah dan

syabas kepada Jawatankuasa Seminar Nasional yang telah bertungkus-lumus menjayakan seminar ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon kemaafan atas kekurangan dan kecacatan sepanjang pengendalian majlis ini berlangsung. Saya percaya segala kesulitan dapat diatasi segera dengan semangat kerjasama semua pihak yang terlibat bagi menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Seterusnya:

*Kalau tuan pikat kenari,  
Jangan patahkan batang jerami;  
Kepada YAB sembah diberi,  
Mohon rasmikan majlis ini.*

Saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia untuk menyampaikan ucapan perasmian dan seterusnya melancarkan repositori IAB. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Tan Sri.



## UCAP UTAMA KOLOKIUM MASTER TRAINER

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

**A**ssalamualaikum dan salam 1Malaysia, Yang dihormati penceramah jemputan En. Rony Ambrosse, ketua-ketua pusat, ketua jabatan dan para pensyarah sekalian, Hari ini kita bertemu lagi dalam Kolokium *Master Trainer* anjuran Jabatan Pentaksiran *Master Trainer*, Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan. Kolokium ini bertemakan “ Ke Arah Pentauliahan *Master Trainer*”.

Pelancaran Pelan Kecemerlangan Institut Aminuddin Baki (IAB) iaitu Lanskap Premier Centre 2012-2016 merupakan legasi kecemerlangan IAB sebagai organisasi ulung yang melatih kepimpinan para pemimpin pendidikan di Malaysia. Lanskap Premier Centre telah menggariskan tiga Bidang Keberhasilan Utama (KRA) iaitu Pembelajaran dan Pembangunan, *Master Trainer* dan Pusat Rujukan. *Master Trainer* disokong oleh subKRA Pembangunan *Master Trainer*. ‘Certified Trainer dan Coach’ adalah tonggak utama Premier Centre dalam merealisasikan aspirasi IAB sebagai pusat latihan pengurusan dan kepimpinan. Laporan

Jemaah Nazir dalam Pemeriksaan Penuh 2011 menyarankan agar IAB juga sebagai Pusat Rujukan Ilmu Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.

Usaha *Certification* adalah inisiatif untuk memartabatkan Profesional *Trainer-Coach* pensyarah IAB bertanggungjawab melahirkan pemimpin yang berkualiti di setiap sekolah (seperti dalam anjakan lima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025). Oleh hal demikian, pensyarah yang kompeten adalah prasyarat bagi menjamin kualiti latihan IAB sejajar dengan tuntutan transformasi pendidikan, cabaran latihan abad ke-21 dalam era pengetahuan.

Kenapa pentaksiran dan pentauliahan perlu dilaksanakan? Semua pensyarah diwajibkan melalui pentaksiran untuk mendapatkan pentauliahan *trainar* atau *coach*. Satu instrumen pentaksiran sedang dibangunkan sebagai alat kawalan kualiti. Instrumen ini berfungsi sebagai alat kawalan dalaman kualiti penyampaian trainer. Pensyarah yang memperoleh skor yang rendah daripada sasaran yang ditetapkan perlu mengikuti latihan sehingga mencapai tahap memuaskan. Manakala pensyarah yang memperoleh skor yang tinggi mendapat bonus apabila ingin memohon sebagai pensyarah cemerlang. Hal ini menjadi satu motivasi atau dorongan kepada pensyarah untuk meningkatkan profesion mereka.

Kumpulan *trainer* bertaraf *master* atau pakar (*master class trainers*) merupakan satu daripada faktor kejayaan kritikal untuk IAB menjadi Premier Centre. Kumpulan ini ibarat ikon. Mereka menjadi pakar rujuk dalam bidang masing-masing. Senarai nama *trainer* dan *coach* dapat dilihat menerusi Direktori *Master Trainer* yang boleh diakses melalui portal IAB menerusi IAB Insyst. Direktori ini bertindak sebagai *one stop centre* kepada JPN., PPD., sekolah dan agensi luar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mendapatkan khidmat trainer dan coach mengikut keperluan.

Instrumen Certified Trainer adalah standard kompetensi pensyarah yang menjadi rujukan bagi penilaian kompetensi prestasi pensyarah oleh bahagian-bahagian yang bertanggungjawab dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku Panduan Pengoperasian *Master Trainer* yang diterbitkan oleh IAB menjadi satu daripada bahan rujukan di KPM dalam merangka laluan kerjaya Subjek *Matter Expert* (SME). Kejurulatihan pula merupakan salah satu bidang yang diambilkira dalam laluan kerjaya tersebut.

Jika laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti penting untuk pembangunan sekolah, maka dapatan pentaksiran pula boleh menjadi input bagi program pembangunan profesional secara berterusan kepada pensyarah-pensyarah baharu di IAB. Apabila seseorang pensyarah ditaksir, pensyarah dan pihak pengurusan juga dapat mengesan dan mengkategorikan kedudukan pensyarah tersebut samada berada dalam tahap lemah sehingga lah cemerlang. Dapatan ini juga membantu pihak pengurusan mengadakan latihan atau pembangunan profesional kepada pensyarah berkenaan.

Pembangunan *Master Trainer* merupakan sebahagian daripada fungsi baru IAB implikasi daripada keputusan yang diterima daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 24 April 2008, yang memberi mandat kepada IAB untuk menjadi Badan Penganugerahan Sijil Kejurulatihan Profesional dalam bidang Kepimpinan Pengurusan Pendidikan (KPP). Oleh itu, adalah wajar kita menginstitusikan IAB sebagai badan pentaulahan sijil *trainer – coach* kerana IAB adalah satu-satunya pusat latihan kepimpinan yang wujud di Malaysia.

Di Malaysia, dianggarkan terdapat 300 institusi latihan sektor awam seperti Intan yang mempunyai beberapa cawangan di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, diharap IAB akan menjadi Akademi *Trainer Pentauliahan* peringkat dalaman adalah satu permulaan bagi IAB mendapat pengiktirafan pihak ketiga dalam jangka masa panjang.





LAIN-LAIN



## **UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT BERSAMA PELANGGAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

20 Disember 2012

Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

**B**ismillahirrohmannirrahim Assalamualaikum w.r.t, Selamat tengah hari, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang berusaha Dr. Zainab bt Hussin Timbalan Pengarah Khidmat Profesional Institut Aminuddin Baki, Pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia, para pelanggan Institut Aminuddin Baki, dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

### **KESYUKURAN DAN TERIMA KASIH**

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah SWT. kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapatlah kita bersama-sama dalam Majlis Penutupan Mesyuarat Bersama Pelanggan Institut Aminuddin Baki Tahun 2012 pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya para pelanggan Institut Aminuddin Baki(IAB) kerana telah sudi untuk bersama-sama bagi mengikuti mesyuarat demi penambahbaikan ke arah keberkesanan dan peningkatan mutu perkhidmatan latihan pengurusan pendidikan di IAB.

Saya percaya bahawa segala maklumat yang disampaikan kepada tuan-tuan dan puan-puan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Semoga semua pihak yang hadir pada hari ini mendapat maklumat first hand yang jelas dan tepat berkaitan isu-isu yang telah dibentangkan. Pemahaman terhadap isu-isu yang dibentangkan merupakan sesuatu yang amat penting bagi tuan-tuan dan puan-puan kerana bagi IAB, peranan tuan-tuan dan puan-puan sebagai key communicator tidak boleh dinafikan kepentingannya. Tuan-tuan dan puan-puan semua bertugas di lapangan menjadi harapan agar semua key communicator dapat menyampaikan maklumat yang tepat ini kepada pendidik yang ditemui di lapangan.

## KUNCI KUALITI PENDIDIKAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, kualiti guru dan pemimpin sekolah menentukan kualiti sistem pendidikan. Dalam pada itu, pemimpin sekolah sebenarnya memainkan peranan utama untuk mewujudkan budaya yang merangsang para guru secara profesional agar dapat membawa perubahan positif terhadap pembelajaran murid (Ainley, Frydenberg, & Russell, 2005). Kajian telah menunjukkan bahawa menggantikan seorang pengetua/guru besar yang berprestasi sederhana dengan Pengetua atau Guru besar Cemerlang dapat meningkatkan keberhasilan sehingga 20 poin persentil (Marzano, Robert, Timothy, Brian, 2005). Dalam usaha membangunkan pemimpin sekolah dan seterusnya

memacu prestasi sekolah secara keseluruhan, IAB telah diberi mandat sebagai pusat latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan negara. Justeru, IAB perlu memperkasakan perkhidmatannya berteraskan misi membangunkan kepemimpinan pendidikan melalui program pembangunan profesional pemimpin sekolah yang berkualiti dan relevan sejajar dengan keperluan dan cabaran semasa.

## PENGHARGAAN DAN SEMANGAT PERMUFAKATAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, sesungguhnya pihak IAB amat menyanjung tinggi kesediaan para pendidik yang telah memberi maklum balas positif terhadap perkhidmatan latihan yang diberikan. Harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan telah dapat menggunakan *platform* ini sebaik mungkin untuk berkongsi maklumat bertepatan dengan konsep program ini yang diharapkan dapat memberi kesan positif kepada para pendidik. Prinsipnya program ini diadakan untuk mendekati dan mengutamakan kepentingan pelanggan. Pelaksanaan program ini juga diharapkan dapat merapatkan lagi hubungan agensi-agensi yang berkenaan dengan para pelanggan bagi mewujudkan perkhidmatan latihan yang lebih efektif dan efisien. Di samping itu, program ini juga dapat dijadikan satu saluran bagi para pendidik memberi pandangan, cadangan dan idea-idea yang konstruktif kepada pengurusan IAB agar kecekapan dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan latihan dapat dipertingkatkan, insya-Allah.

## PERANAN IAB

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, Sehingga kini, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak IAB untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan di semua jabatan. Hal ini disebabkan,

sistem penyampaian perkhidmatan cekap dan berkesan amat dituntut oleh semua pelanggan perkhidmatan awam terutamanya stakeholder kita iaitu para pemimpin pendidikan yang akan menjadi penggerak terpenting dalam usaha membangunkan negara pada masa akan datang. Dalam menyempurnakan agenda pendidikan negara, khususnya menjayakan transformasi pendidikan dan mencapai visi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, IAB memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan kepimpinan sekolah menerusi latihan persediaan dan program pementoran sokongan. Objektif Kementerian Pendidikan Malaysia adalah memastikan setiap sekolah mempunyai pengetua atau guru besar berprestasi tinggi yang berkeupayaan meningkatkan kemajuan sekolah tanpa mengira status quo sekolah berkenaan (KPM, 2012). Pemimpin sekolah akan dilatih menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang dan bertindak sebagai agen perubahan pendidikan. Program latihan persediaan yang dikenali sebagai Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) yang ditawarkan oleh IAB dengan mod baru sejak awal tahun ini yang mengikut konsep Gabungan Pembelajaran (Blended Learning) iaitu gabungan kaedah pengajaran di bilik kuliah, pembelajaran secara atas talian, dan konsultasi di tempat bertugas akan dipergiatkan lagi pada tahun 2013. Seperti yang dimaklumkan, seramai 1,000 calon beraspirasi dan berpontensi tinggi untuk menjadi pengetua atau guru besar akan dipilih untuk mengikuti program tersebut melalui dua ambilan iaitu ambilan pertama pada bulan Februari dan ambilan kedua pada bulan Julai 2013. Latihan akan dijalankan di IAB Induk, IAB Cawangan Utara dan juga di Sabah dan Sarawak.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan, IAB juga menambah portfolio latihan dengan mengadakan pelbagai jenis kursus yang berkualiti dan relevan bagi memenuhi keperluan pemimpin sekolah. Untuk ini, para peserta boleh melakukan penilaian kendiri dengan menggunakan instrumen kepimpinan IAB secara atas talian, iaitu Kompetensi Pemimpin

Sekolah (KOMPAS), dan menggunakan maklumat tersebut bagi membuat pilihan kursus. Seterusnya, peserta boleh membuat permohonan kursus melalui i-permohonan iaitu Insyst, satu sistem yang dapat memudahkan serta mencepatkan pendaftaran. IAB juga membangunkan kaedah penyampaian latihan yang termasuk bimbingan secara langsung atau tidak langsung serta pementoran, misalnya konsultasi di atas talian, bimbingan melalui pendekatan *Leadership Coaching and Mentoring* di tempat bertugas seperti melalui Program SI/Partner dan Speed-Up.

Sejajar dengan matlamat KPM dalam pemilihan calon guru pelatih daripada kumpulan 30% teratas bagi setiap kohort yang tamat persekolahan (KPM, 2012), IAB juga terlibat dalam *Program Teach for Malaysia* (TFM) yang bertujuan menarik siswazah muda berprestasi tinggi ke dalam profesion keguruan. Felo TFM yang merupakan kumpulan perintis diberikan bimbingan oleh pensyarah IAB semasa penempatan mereka di 17 buah sekolah di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan pada tahun ini. Di samping itu, IAB juga terlibat dalam Program *I-think* yang bertujuan meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif, kritis dan inovatif. Peranan IAB khususnya melatih pegawai JPN dan PPD membimbing dan memantau pelaksanaan Program *I-think* di sekolah yang akan diluaskan di 1,000 buah sekolah pada tahun 2013 dan semua sekolah pada tahun 2014.

Tuan-tuan dan puan-puan yang mulia,

## AMANAH YANG DIPIKUL

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kerajaan begitu serius dalam usaha untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan (*Service Delivery System*), dan perkhidmatan awam. Dalam hal ini, sistem penyampaian perkhidmatan dalam jabatan juga tidak terkecuali.

Peningkatan kualiti bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di Malaysia merupakan amanah yang didokong oleh IAB. Amanah ini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh. Justeru, IAB akan terus berusaha meningkatkan prestasi sebagaimana yang digariskan oleh bidang keberhasilan utama Premier Center khususnya dalam penambahbaikan dan transformasi terhadap latihan secara berterusan demi menyempurnakan agenda pendidikan negara dan menjayakan visi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan IAB yang terdiri daripada bahagian-bahagian di KPM, JPN., PPD., pengetua dan guru besar sekolah yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada perkhidmatan yang kami sediakan serta memberikan maklum balas yang bermakna untuk kami meneruskan usaha murni ini.

## **PENUTUP BICARA**

Akhir kata, marilah kita bersama-sama meneruskan tradisi kecemerlangan demi mentransformasikan wajah pengurusan dan kepimpinan pendidikan di Malaysia selaras dengan visi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, insya-Allah.

Dengan kalam penuh hikmah, Bismillahi Rohmannirahim, saya dengan sukacitanya menagguhkan Mesyuarat Bersama Pelanggan IAB Tahun 2012.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah, wasalammu alaikum warah matullahi wabaraakatu.

# MAJLIS PERSARAAN YBHG TAN SRI ABDUL GHAFAR BIN MAHMUD (KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA)

Oleh

**YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang**

Pengarah IAB

4 Disember 2013

Dewan Besar, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

**A**ssalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh Salam sejahtera dan salam 1Malaysia Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Yang Berusaha Dr. Zainab bt Hussin Timbalan Pengarah Khidmat Profesional, Yang berusaha En. Mazlan bin Shamsuddin Timbalan Pengarah Khidmat Latihan, Yang berusaha En. Zanal bin Dirin Pengarah IAB Cawangan Utara, Yang berusaha Syed Mohamad Al Adros bin Tuan Muning Pendaftar, Ketua-Ketua Pusat, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

## PENGENALAN

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga dapat kita

berkumpul di majlis yang penuh bermakna pada hari ini. Selamat datang ke majlis Persaraan YBhg Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) yang akan bersara pada 7 Disember 2013.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud kerana sudi meluangkan masa berharga beliau untuk bersama-sama kita pada hari yang bersejarah ini.

*Hari yang tenang penuh berseri*

*Tika tuan datang ke mari*

*Semekar kasih sekalung budi*

*Di majlis indah tuan dirai*

*Dari Pekan ke Putrajaya*

*Singgah sebentar di Genting Highlands*

*Usaha bersungguh hingga berjaya*

*Disegani lawan dihormati rakan*

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## **TUJUAN MAJLIS**

Majlis ini diadakan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada segala sumbangan dan jasa bakti yang telah dicurahkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud sepanjang perkhidmatan beliau selama lebih 36 tahun dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak IAB amat berbesar hati kerana Yang Berbahagia Tan Sri sentiasa prihatin dan sering meluangkan masa untuk bersama-sama dengan warga IAB dalam pelbagai majlis yang dianjurkan oleh IAB atau Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **MANTAN PENGARAH IAB**

Sebagaimana yang kita tahu, YBhg Tan Sri merupakan mantan Pengarah IAB yang berwawasan dan berpandangan jauh. Walaupun YBhg Tan Sri

hanya berkhidmat selama setahun sebulan sebagai pengarah IAB, namun banyak sumbangan dan jasa beliau yang telah berjaya menaikkan nama IAB. Sesungguhnya, beliau telah membuka jalan yang lebih terbuka ke arah pembaharuan bagi menzahirkan IAB sebagai pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan terbilang.

## **NATIONAL PROFFESIONAL QUALIFICATION EDUCATIONAL LEADER (NPQEL)**

Dari NPQEL mod lama, beliau sudah memandang jauh ke hadapan untuk menjimatkan dana kerajaan dan mengelakkan kerugian dalam kalangan peserta. Dengan menaik taraf NPQEL kepada mod baharu menggunakan pendekatan blended learning, kos untuk melatih seorang peserta NPQEL adalah sangat menjimatkan dan membolehkan IAB melatih 1000 orang pemimpin sekolah dalam setahun berbanding hanya lebih kurang 200 orang sahaja pada tahun-tahun sebelumnya. Yang lebih istimewa, peserta NPQEL juga tidak kerugian kerana mereka tidak perlu melepaskan jawatan yang disandang dan berkursus dalam tempoh yang lebih singkat. Tahniah dan terima kasih Yang Berbahagia Tan Sri. Usaha ini membolehkan anjakan kelima PPPM tercapai.

## **PENGANTARABANGSAAN**

Pada masa yang sama, YBhg Tan Sri juga telah mengorak langkah dalam mengantarabangsakan IAB melalui lawatan ke luar negara seperti Sulawesi. Langkah ini seterusnya menyemarakkan lagi program pengantarabangsaan IAB ke merata dunia seperti Sarajevo, Istanbul, Uzbekistan dan Korea. Program pengantarabangsaan IAB juga sentiasa menjadi perhatian dan tarikan pemimpin pendidikan dari luar negara dalam pelbagai aspek sama ada untuk lawatan kerja, penandaarasan, latihan, dialog dua hala, menjadi pembentang Kolokium atau Seminar.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## SURAU

Pada hari ini, masih tersergam teguh surau yang dibina atas usaha Yang Berbahagia Tan Sri pada tahun 2010. Surau ini digunakan sepenuhnya oleh warga IAB sebagai tempat ibadat di samping menjadi ruang untuk staf beramah mesra menjalin ikatan ukhwah. Sebagai tanda kenangan dan ingatan, pihak IAB mengambil kesempatan ini untuk memohon jasa baik Yang Berbahagia Tan Sri untuk merasmikan surau berkenaan.

## HARAPAN

Walaupun Yang Berbahagia Tan Sri akan bersara, tetapi pihak IAB berharap hubungan yang telah terbina tidak akan terhenti di sini dan sumbangan idea dan kepakaran YBhg Tan Sri akan berterusan kepada IAB dan warga KPM amnya. Sesekali jenguklah kami di sini.

Bagi pihak warga IAB, saya mengucapkan selamat menempuh alam persaraan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud. Semoga Yang Berbahagia Tan Sri akan sentiasa dilimpahi keberkatan dan kesihatan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

*Tan Sri*

*Tiba jua di persimpangan ini,  
Barulah kita tahu besarnya erti budi,  
Budi segunung tercurah dalam rencana,  
Bakal mengerdip sinar kemilau arca kencana,  
Terhias di dinding minda, memarak asas wacana,  
Meruap bangga memangkin kesima,  
Melarik teladan ikutan bermakna.  
Jarak dan ruang pasti semakin dirasa,  
Justeru langkah dan arah kian berbeza.  
Setia budi semarak kasih,  
Untukmu tuan insan terpilih,  
Pergimu tuan bukan tersisih,  
Budimu tuan di hati membenih.*


*Setia budi semarak kasih,  
Tuan berangkat kami yang merintih.*

*Tan Sri  
Dikau gerakkan  
puluhan ribu pendidik  
yang mengenal hakikat  
akan erti insan bermartabat  
yang tunduk patuh kepada sunatullah  
dan mengakar dalam budaya mardhatillah  
pemegang amanah  
yang bertindak*

*Jejak-jejak perjuanganmu  
Dan denai peradaban  
yang dikau rintis  
Insya-Allah kami lanjutkan.*

Sekian. Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.





<http://iab.moe.edu.my>

